

# PENYATA KEWANGAN

Dinyatakan dalam Ringgit Malaysia  
Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

120	Laporan Pengarah
136	Kenyataan oleh Para Pengarah
136	Pengakuan Berkanun
137	Laporan Juruaudit kepada Pemegang Saham
138	Kunci Kira-Kira
139	Penyata Pendapatan
140	Penyata Perubahan dalam Ekuiti
142	Penyata Aliran Wang Tunai
146	Nota-Nota Penyata Kewangan

# Laporan Pengarah

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan pengarah serta penyata kewangan **AMMB HOLDINGS BERHAD** yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006.

## KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai syarikat pegangan pelaburan.

Syarikat-syarikat subsidiari, seperti yang disenaraikan dalam Nota 13 Penyata Kewangan, menyediakan rangkaian perkhidmatan perbankan saudagar, perbankan komersil, pembiayaan runcit dan perkhidmatan kewangan berkaitan termasuk perniagaan perbankan Islam, penanggungan insurans nyawa dan am, pembrokeran stok dan saham, pembrokeran niaga hadapan, nasihat pelaburan dan pengurusan aset, pelaburan harta tanah dan amanah saham.

Tiada perubahan penting berlaku dalam jenis kegiatan Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan.

## PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

1. Pada 27 Februari 2004 dan 31 Mei 2004, Syarikat telah mengumumkan penyusunan semula Kumpulan yang merangkumi:

(a) Penswastaaan AMFB Holdings Berhad ("AMFB") melalui pemerolehan oleh Syarikat 188,927,911 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu dalam AMFB yang belum dimiliki oleh Syarikat melalui skim penyusunan di antara AMFB dan para pemegang sahamnya di bawah Seksyen 176 Akta Syarikat, 1965. Penswastaaan AMFB telah selesai pada 17 Mac 2005. Penswastaaan AMFB adalah sebahagian penting usaha Syarikat dalam menepati inisiatif tertentu yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas penggabungan operasi-operasi perbankan komersil dan syarikat kewangan dalam kumpulan perbankan di bawah satu entiti; dan

(b) Penyenaraian AmInvestment Group Berhad ("AIGB") dan Penswastaaan AMFB, yang bersyarat di antara satu sama lain, yang merangkumi perkara-perkara berikut:

(i) Perbadanan AIGB untuk bertindak sebagai syarikat pegangan pelaburan bagi kumpulan perbankan pelaburan Syarikat;

(ii) Penyusunan semula dalaman yang melibatkan pemindahan 100% kepentingan ekuiti Syarikat dalam AmMerchant Bank Berhad ("AmMerchant Bank") dan AmSecurities Holdings Sdn Bhd pada nilai buku untuk ganjaran yang dijelaskan dengan terbitan saham-saham biasa bernilai RM1,109,442,000 dan tunai sebanyak RM214,400,000.

(iii) Terbitan/tawaran sebanyak 646,800,000 saham-saham biasa merangkumi 210,558,000 saham-saham biasa baru dan 436,242,000 saham-saham sedia ada melalui Tawaran Jualan Terhad pada harga tawaran pemegang-pemegang saham bernilai RM1.40 sesaham, untuk kesemua saham-saham tawaran jualan terhad seperti berikut;

(a) 488,400,000 saham-saham biasa diperuntukkan kepada pemegang-pemegang saham Syarikat;

(b) 39,600,000 saham-saham biasa diperuntukkan kepada para pengarah dan kakitangan AIGB yang layak dan/atau syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu yang diperbadankan di Malaysia, para pengarah Syarikat yang layak dan sekutu perniagaan Syarikat,

(c) 118,800,000 saham-saham biasa diperuntukkan kepada Tan Sri Dato' Azman Hashim sebagai pelabur Bumiputera yang diluluskan.

Harga kelayakan pemegang saham bernilai RM1.40 sesaham bagi tawaran jualan terhad timbul atas dasar bagi mewujudkan peluang ganjaran dan menarik pemegang saham syarikat dan kakitangan serta pengarah yang bekelayakan menyertai dalam ekuiti dan pertumbuhan yang berterusan dalam Kumpulan.

(c) Penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham AIGB yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan berjumlah RM1,320,000,000 bernilai RM1.00 setiap satu, telah disenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 18 Mei 2006.

2. Pada 31 Mei 2005, sejeurus mendapat kelulusan daripada pemegang saham dan pihak-pihak yang tertentu, perkara-perkara berikut telah selesai:

(a) Memperolehi keseluruhan kepentingan ekuiti dalam AmBank Berhad ("AmBank"), merangkumi 761,781,750 saham-saham biasa daripada Syarikat bagi ganjaran pembelian sebanyak RM832.8 juta berdasarkan nilai buku pelaburan Syarikat dalam AmBank. Ganjaran pembelian telah dijelaskan dengan penerbitan 166,080,387 saham-saham biasa dalam AMFB pada harga terbitan RM5.01 berdasarkan pada Aset Ketara Bersih Belum Diaudit AMFB pada 31 Mei 2005.

## Laporan Pengarah (samb.)

- (b) AmFinance Berhad (“AmFinance”) memperoleh keseluruhan kepentingan ekuiti dalam AmBank merangkumi 761,718,750 saham-saham biasa daripada AMFB bagi ganjaran pembelian sebanyak RM412.7 juta berdasarkan aset ketara bersih belum diaudit AmBank selepas pelarasan untuk sesetengah aset-aset yang tidak boleh dipindahkan. Ganjaran pembelian dipersetujui dengan menerbitkan 81,961,642 saham-saham biasa pada harga terbitan RM5.035 berdasarkan kepada aset ketara bersih sesaham Kumpulan AmFinance pada 31 Mei 2005.

Berikutan selesainya pemerolehan AmBank oleh AmFinance, perniagaan perbankan komersil AmBank berjumlah RM412.7 juta telah diletakkan ke dalam AmFinance pada 19 Jun 2005 mengikut perintah Mahkamah Tinggi Malaya pada 18 Mei 2005 di bawah Arahan Asal No. D7-24-162-2005 dan mengikut Seksyen 50 Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989. Selepas itu, AmFinance telah bertukar nama kepada AmBank (M) Berhad (“AmBank (M)”) untuk menggambarkan penggabungan perbankan komersil dan operasi syarikat kewangan di bawah satu entiti.

3. Pada 29 September 2005, AmMerchant Bank, menyelesaikan pemerolehan 30.0% kepentingan ekuiti yang dipegang oleh Macquarie Bank Limited (“Macquarie Bank”) dalam AmInvestment Management Sdn Bhd (“AIM”) dan AmInvestment Services Berhad (“AIS”) masing-masing untuk ganjaran pembelian tunai berjumlah RM44.79 juta.

Dengan selesainya pemerolehan tersebut, AIM dan AIS telah menjadi syarikat subsidiari milik penuh AmMerchant Bank. Oleh yang demikian, penyusunan Usaha Sama antara AmMerchant Bank dan Macquarie Bank yang berkait kepada perniagaan pengurusan dana ditamatkan secara sukarela pada 29 September 2005.

4. Pada 27 Oktober 2005, AmMerchant Bank menerbitkan RM200,000,000 amaun nominal Bon Bersubordinat Boleh Ditebus Dan Tidak Bercagar (“Bon Bersubordinat Tahap 2”) dengan tujuan untuk menebus semula RM200.0 juta amaun nominal Sijil Deposit Bersubordinat Tidak Bercagar. Sijil Deposit Bersubordinat Tidak Bercagar telah ditebus pada 1 Mac 2006. Bon Bersubordinat Tahap 2 diterbitkan untuk tempoh sepuluh (10) tahun matang pada 31 Oktober 2015 dan menanggung kadar faedah daripada 4.75% kepada 7.25% setahun, dan akan dibayar setiap setengah tahun.

Dalam tahun kewangan, AmMerchant Bank telah membeli dan membatalkan RM65,000,000 Bon Bersubordinat Tahap 2.

5. Setelah mendapat kelulusan tertentu daripada pemegang saham dan pihak-pihak berwajib, perkara-perkara berikut telah dicadang dan diterbitkan:

(a) Terbitan Dolar Amerika (“USD”) 200.0 juta Hibrid Modal Inovatif Tahap 1 merangkumi 2,000 saham-saham keutamaan bernilai USD100,000 setiap satu (“Hibrid”) oleh AMBB Capital (L) Ltd (“AMBB Capital”), sebuah syarikat subsidiari milik penuh AmBank (M), kepada pelabur-pelabur bukan residen; dan

(b) Cadangan terbitan pengganti saham keutamaan (bersamaan dengan nilai ekonomi Sekuriti Hibrid) (“Pengganti Saham Keutamaan”) oleh AmBank (M) sekiranya berlaku peristiwa penggantian tertentu mengikut syarat-syarat Sekuriti Hibrid.

Sekuriti Hibrid telah diterbitkan oleh AMBB Capital pada 27 Januari 2006 dan mempunyai manfaat yang dijamin subordinat oleh AmBank (M). Perolehan kasar USD200.0 juta daripada terbitan Sekuriti Hibrid telah dipinjamkan kepada AmBank dalam bentuk pinjaman berjangka bersubordinat pada 27 Januari 2006.

Pada saiz permulaan USD150.0 juta, buku telah terlebih langgan dua kali ganda. Oleh itu, saiz terbitan telah ditambah kepada USD200.0 juta selepas selesai proses pembinaan buku. Sekuriti Hibrid telah dihargakan pada nilai par dengan nilai kupon 6.77% setiap setengah tahun. Kupon tersebut akan berada pada kadar berubah bersamaan dengan tiga (3) bulan Dolar Amerika LIBOR tambah 2.90 peratus jika Sekuriti Hibrid tidak ditebus selepas tahun kesepuluh (10) daripada tarikh penerbitan.

Mengikut terma dan syarat-syarat Sekuriti Hibrid, apabila berlakunya peristiwa penggantian yang dibenarkan oleh garis panduan berkenaan dengan modal instrumen Tahap 1 inovatif yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) pada 24 Disember 2004 (“Garis Panduan BNM Tahap 1”), AmBank dikehendaki menerbitkan Pengganti Saham Keutamaan untuk menggantikan Sekuriti Hibrid yang diterbitkan oleh AMBB Capital. Walaubagaimanapun, jika tiada sebarang peristiwa penggantian berlaku, maka, tiada keperluan bagi menerbitkan Pengganti Saham Keutamaan.

Cadangan Terbitan Pengganti Saham Keutamaan dan Terbitan Sekuriti Hibrid adalah bersyarat antara satu sama lain.

Sekuriti Hibrid tersenarai di kedua-dua Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan dan Bursa Singapura dan ditawarkan kepada pelabur-pelabur institusi antarabangsa di luar Malaysia.

Sekuriti Hibrid diberi kelas Ba2/BB/BB oleh Moody’s/Fitch/Standard & poor’s.

Terbitan Sekuriti Hibrid membenarkan AmBank (M) meningkatkan ketidacairan modal Tahap 1 pada persaingan kos bagi pengurusan modal am AmBank. Dana yang diperolehi daripada penerbitan Sekuriti Hibrid akan nisbah modal Tahap 1 AmBank (M) daripada 6.02% kepada 7.08% dan keseluruhan nisbah modal berwajaran daripada 10.46% kepada 12.05%. Terbitan Sekuriti Hibrid akan turut menyediakan keflexibelan dana bagi perkembangan operasi perniagaan AmBank (M).

## Laporan Pengarah (samb.)

6. Pada 7 Februari 2006, AIGB telah memperolehi 100% kepentingan ekuiti dalam AmPrivate Equity Sdn Bhd (“AmPrivate Equity”), yang merangkumi dua (2) saham-saham biasa bernilai RM2.00 setiap satu.

Pemerolehan AmPrivate Equity adalah selaras dengan pelancaran RM100 juta dana tertutup ekuiti persendirian (“Dana”) dengan nyawa piagam sepuluh (10) tahun di bawah AmPrivate Equity.

AmPrivate Equity akan membuat pelaburan jangka sederhana dan panjang terutamanya di Malaysia dengan objektif untuk mencapai kenaikan modal dalam pelaburan. Fokus akan diberi kepada sektor-sektor seperti industri perkilangan, perkhidmatan perniagaan, persekitaran dan perkhidmatan tenaga dan maklumat dan syarikat teknologi perhubungan.

Malaysian Ventures Management Incorporated Sdn Bhd, berdaftar sebagai syarikat pengurusan modal teroka dan sebuah syarikat subsidiari tidak langsung Syarikat, merupakan pengurus Dana.

Saiz dana RM100.0 juta AmPrivate Equity akan ditubuhkan melalui penerbitan 15,000 saham-saham biasa pada harga terbitan RM1.00 setiap satu dan 1,250,000 RPS pada harga terbitan RM79.988 setiap satu.

Kini, pelabur-pelabur yang terikat dalam Dana ialah:

- (a) AIGB, dengan penglibatan langganan tunai bagi 80.0% daripada Dana berjumlah RM80.0 juta, merangkumi 12,000 saham-saham biasa dan 1,000,000 RPS; dan
- (b) Sebuah dana pencen utama Malaysia, dengan penglibatan langganan tunai bagi 20.0% daripada Dana berjumlah RM20.0 juta, merangkumi 3,000 saham-saham biasa dan 250,000 RPS

Dana modal RM100.0 juta akan dibayar kepada AmPrivate Equity sepanjang nyawa piagam apabila pelaburan dibuat oleh AmPrivate Equity.

7. Pada 10 Februari 2006, AmMerchant Bank telah memasuki perjanjian jual beli bersyarat dengan sembilan (9) pemegang-pemegang saham minoriti Frasers International Pte Ltd (“FIPL”) berhubung dengan cadangan pemerolehan 7,576,766 saham-saham biasa bernilai \$1.00 setiap satu dalam FIPL yang belum menjadi milik AmMerchant Bank, mewakili 51.0% modal saham diterbitkan dan dibayar penuh FIPL dengan jumlah ganjaran pembelian tunai sehingga S\$22,000,000 (“Cadangan Pemerolehan FIPL”). Dengan selesainya pemerolehan FIPL, FIPL akan menjadi syarikat subsidiari milik penuh AmMerchant Bank.

Cadangan Pemerolehan FIPL adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Bank Negara Malaysia, Badan Kewangan Singapura, Bursa Sekuriti Singapura, Bursa Derivatif Singapura dan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan.

8. Pada 6 Mac 2006, sebuah syarikat subsidiari, AmAssurance telah menyelesaikan pemerolehan 13 lot pejabat dalam Bangunan AMDB daripada Syarikat Kompleks Damai Sdn Bhd (“SKDS”) bagi ganjaran tunai berjumlah RM54,109,000 dan perjanjian penyewaan antara SKDS dan AmAssurance bagi 9 lot pejabat dengan jaminan keuntungan sewa bersih oleh AMDB Berhad dan SKDS dengan AmAssurance.
9. Pada 10 Mac 2006, AmBank (M) dan ABH Holding Sdn Bhd telah menyelesaikan jualan 30.0% kepentingan ekuiti dalam AmAssurance, mewakili 30,000,000 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu kepada IAG International Pty Ltd (“IAG International”), syarikat subsidiari milik penuh IAG Limited, pada harga RM6.44 sesaham untuk agregat ganjaran tunai bernilai RM193.2 juta, termasuk jualan:

- (a) 10.0% kepentingan ekuiti dalam AmAssurance oleh AmBank (M) kepada IAG International (Jualan AmBank (M)); dan
- (b) keseluruhan 20.0% kepentingan ekuiti dalam AmAssurance yang dipegang oleh ABH Holdings Sdn Bhd, sebuah syarikat yang dikawal oleh Dato’ Azlan Hashim, Timbalan Pengerusi Syarikat dan AmAssurance, kepada IAG International (“Jualan ABH Holdings”).

Cadangan Jualan AmBank dan Jualan ABH Holdings adalah tidak bersyarat.

Jualan AmBank (M) dan Jualan ABH Holdings, Syarikat telah menyelesaikan pemerolehan baki 4.06% kepentingan ekuiti yang dipegang oleh AmBank (M) dalam AmAssurance, mewakili 4,062,000 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu (“Belian AHB”) pada harga yang sama iaitu RM6.44 sesaham dan diselesaikan secara tunai.

Belian AHB adalah bertujuan untuk menyatukan pemegang saham Kumpulan AmBank dalam AmAssurance di bawah Syarikat.

## PERISTIWA-PERISTIWA SELEPAS TARIKH KUNCI KIRA-KIRA

1. Pada 1 Mei, AmIslamic Bank Berhad (“AmIslamic Bank”) (dahulunya dikenali sebagai AMBB Capital Berhad dan AmBank Berhad) menerima lesen bagi menjalankan perniagaan Perbankan Islam berkuatkuasa serta merta.

Berikutan arahan peletakan Mahkamah Tinggi Malaya bertarikh 18 April 2006 di bawah Arahan Asal No. 04-22A-151-2006 dan mengikut Seksyen 50 Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989, perniagaan Perbankan Islam AmBank (M) diletakkan di bawah AmIslamic Bank berkuatkuasa dari 1 Mei 2006. Nilai buku bersih aset dan tanggungan yang dipindahkan adalah RM784.1 juta.

Ganjaran bagi pemindahan perniagaan tersebut dijelaskan dengan penerbitan sebanyak 250.0 juta saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada 28 April 2006 oleh AmIslamic Bank kepada AmBank (M) pada harga RM3.14 sesaham.

## Laporan Pengarah (samb.)

2. Pada 11 Mei 2006, Syarikat telah mengumumkan cadangan-cadangan berikut:

- cadangan jualan keseluruhan kepentingan AmBank (M) dalam Menara AmBank dengan jumlah ganjaran sebanyak RM230,000,000 yang akan dibayar oleh AmFIRST Real Estate Investment Trust ("REIT") melalui penerbitan sebanyak 230,000,000 unit-unit AmFIRST REIT pada harga terbitan RM1.00 setiap unit dikreditkan sebagai pembayaran penuh. AmBank (M) seterusnya akan memindahkan keseluruhan unit-unit REIT kepada Syarikat bagi ganjaran tunai sebanyak RM230.0 juta.
- pelepasan tawaran jualan terhad sehingga 96,246,917 unit-unit AmFirst REIT pada harga tawaran bernilai RM1.00 seunit kepada pemegang saham sedia ada Syarikat pada kadar satu (1) unit AmFIRST REIT untuk 25 saham-saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 setiap satu yang dipegang dalam Syarikat, di mana RM0.85 seunit akan dibayar tunai oleh pemegang saham Syarikat dan baki RM0.15 seunit dibayar oleh Syarikat; dan
- cadangan tawaran untuk jualan sebanyak 133,753,083 unit-unit AmFIRST REIT pada harga tawaran RM1.00 seunit akan ditempatkan ke institusi-institusi dan pelabur-pelabur yang terpilih.

semuanya dirujuk sebagai "Cadangan-cadangan".

Cadangan-cadangan tersebut adalah berikutan penyusunan semula dan penamaan semula AmFirst Property Trust ("AmFPT") yang diumumkan oleh AmProperty Trust Management Berhad ("AmPTMB"), pengurus AmFPT pada 11 Mei 2006, yang meliputi cadangan pembubaran AmFPT dan penubuhan baru REIT dikenali sebagai AmFIRST REIT.

AIGB sebagai penaja untuk AmFIRST REIT dan Am ARA REIT Managers Sdn Bhd ("Am ARA") sebagai pencadang syarikat pengurusan AmFIRST REIT berikutan cadangan penubuhan AmFIRST REIT, akan memohon penyenaian dan sebut harga bagi keseluruhan saiz dana AmFIRST REIT yang merangkumi 490,000,000 unit-unit pada Papan Utama Bursa Malaysia Sekuriti Berhad ("Cadangan Penyenaian").

Pada 5 Mei 2006 AIGB memperolehi tujuh (7) saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu, mewakili 70.0% kepentingan ekuiti dalam Am ARA REIT Holdings Sdn Bhd ("Am ARA Holdings"), syarikat pegangan pelaburan Am ARA, bagi ganjaran tunai sebanyak RM7.00, yang berhubung dengan usaha sama ("JV") antara AIGB dan ARA Asset Management (Malaysia) Limited ("ARA") dalam perniagaan pengurusan REIT. Am ARA Holdings dan Am ARA masing-masing diperbadankan pada 20 April 2006.

Mengikut perjanjian JV antara AIGB dan ARA pada 16 Februari 2006, baki tiga (3) saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu, yang mewakili 30.0% kepentingan ekuiti dalam Am ARA Holdings adalah dipegang oleh ARA.

Kini, Am ARA mempunyai modal dibayar penuh RM2.00, merangkumi dua (2) saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu, dan tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti, Am ARA akan bertindak sebagai pengurus AmFIRST REIT.

Cadangan Penyenaian dan cadangan-cadangan yang akan dijalankan oleh Syarikat dan AmFPT adalah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia, pemegang saham dan pihak-pihak yang berkaitan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan sebelum bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu dan pencukaian	707,907	213,835
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	2,202	-
<b>Keuntungan sebelum pencukaian</b>	<b>710,109</b>	<b>213,835</b>
Pencukaian	(231,069)	(12,164)
Keuntungan sebelum kepentingan minoriti	479,040	201,671
Kepentingan para pemegang saham minoriti dalam keputusan syarikat-syarikat subsidiari	(113,535)	-
Keuntungan bersih hak para pemegang saham Syarikat	365,505	201,671
Keuntungan tidak diagih pada awal tahun (dinyatakan semula)	929,146	441,475
Keuntungan untuk diagihkan	1,294,651	643,146
Timbul daripada Penyusunan Semula Kumpulan	(65,224)	-
Pindahan kepada rizab berkanun	(86,979)	-
Pindahan daripada rizab penilaian semula	-	378,830
Dividen dibayar	(61,359)	(61,359)
Keuntungan tidak diagih pada akhir tahun	1,081,089	960,617

## Laporan Pengarah (samb.)

### RANCANGAN PERNIAGAAN DAN STRATEGI

Penggabungan perniagaan syarikat kewangan Kumpulan ke dalam perniagaan perbankan komersil pada Jun 2005, dan pengubahan cawangan-cawangan syarikat kewangan Kumpulan ke cawangan-cawangan perbankan komersil telah menyediakan pelantar yang kukuh untuk mengembangkan pendedahan pinjaman kepada perniagaan bersaiz kecil dan sederhana dan membentuk pembiayaan dagangan Kumpulan dan perniagaan-perniagaan pengurusan tunai.

Penggabungan juga menggalakkan pencapaian Kumpulan skala kepimpinan kedudukan pasaran dalam pasaran sektor perbankan runcit. Kumpulan yakin akan mencapai pertumbuhan pasaran saham yang bermakna dalam pembiayaan kereta, gadai janji dan perniagaan-perniagaan kad kredit pada masa akan datang.

Sebagai sebahagian daripada penggabungan, Kumpulan telah memperkenalkan program latihan untuk meningkatkan kecekapan jualan setiap kakitangan untuk mencapai peluang penjualan bersilang yang maksima bagi pelbagai produk dan perkhidmatan Kumpulan dengan menggunakan pertumbuhan cawangan-cawangan bank komersil sebagai batu loncatan. Perniagaan perbankan runcit Kumpulan diubah menjadi entiti yang memberi fokus kepada perkhidmatan pelanggan dan jualan. Kumpulan percaya proses transformasi akan mempertingkatkan kecekapan jualan dan produktiviti pada masa hadapan.

Kumpulan juga akan menggunakan pengaruh rangkaian cawangan dan francais pelanggan yang luas bagi mengembangkan asas permintaan deposit bagi mengimbangkan semula asas pendanaan supaya kos pendanaan dapat diurus dengan lebih baik.

Perniagaan perbankan pelaburan Kumpulan akan terus memberi fokus kepada nasihat korporat, pasaran modal ekuiti, pasaran modal hutang dan perkhidmatan perbendaharaan. Dengan kedudukan pasaran yang kukuh dan promosi perbankan Islam yang lebih hebat, perbankan pelaburan akan terus menjadi penggerak utama dalam aktiviti-aktiviti pasaran modal Islam dengan penambahan penyelesaian baru kewangan Islam dan produk kepada para pelanggan.

Pada masa akan datang, berikutan penyelesaian usaha sama antara IAG Limited dan AmAssurance, Kumpulan yakin perniagaan insurans akan menjadi penyumbang utama kepada keuntungan Kumpulan. IAG Limited, sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Stok Australia, adalah syarikat insurans am yang terbesar di Australia dengan pemodal pasaran melebihi A\$8 juta dan penarafan AA daripada Standard and Poor. Dengan pemegangan 30.0% dalam AmAssurance, IAG Limited dapat menyumbang secara positif kepada prestasi keseluruhan dan kewangan AmAssurance dengan tahap kecekapan dan keupayaannya dalam industri insurans global.

Berkuatkuasa 1 Mei 2006, perniagaan perbankan Islam AmBank (M) telah dipindahkan dan diperletakkan dalam AmIslamic Bank, sebuah subsidiari milik penuh AmBank (M), sebagai pemisahan korporat yang formal perniagaan perbankan konvensional dan perniagaan perbankan Islam. Dengan struktur operasi Islam yang baru dan komunikasi secara berterusan yang efektif dengan pelanggannya, Kumpulan sedang membuat sasaran untuk mengoptimalkan perkhidmatannya untuk terus menggerakkan perkhidmatan perbankan Islam.

### TINJAUAN BAGI TAHUN KEWANGAN HADAPAN

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka meningkat dengan lebih pesat dan akan kekal sederhana pada tahap 6.0% dalam tahun 2006. Sejalan dengan itu, perniagaan perbankan dijangka berkembang pada tahun 2006 dan kualiti aset sistem perbankan dijangka kekal kukuh. Walau bagaimanapun, kesederhanaan pertumbuhan ekonomi bersama dengan kecairan yang tinggi dan persekitaran operasi yang liberal akan terus menekan keuntungan tradisi industri perbankan, iaitu perniagaan pembiayaan.

Inflasi telah meningkat disebabkan peningkatan kos and tekanan ini berpotensi untuk terus meningkat berikutan kenaikan harga produk petroleum. Walaupun kadar faedah tidak dapat secara langsung dan efektif mengawal inflasi yang disebabkan oleh kos, pelarasan kadar faedah adalah perlu untuk mempengaruhi secara positif kadar pertukaran, pengaliran modal dan aliran kecairan. Walau bagaimanapun, kadar dan rentak peningkatan serta pelarasan kadar pertukaran tidak akan keterlaluan untuk menjejaskan pertumbuhan.

Pada masa akan datang, Kumpulan akan terus mendalami strategi mengembangkan operasi-operasi perniagaan. Kumpulan yakin dengan pembangunan infrastruktur, asas pelanggan dan kesedaran penjenamaan akan membolehkan Kumpulan mengambil kesempatan atas peluang pertumbuhan.

### BUTIRAN BERSIFAT LUAR BIASA

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tidak banyak terjejas oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan bersifat luar biasa selain daripada didedahkan dalam peristiwa-peristiwa penting di atas dan Nota 54 kepada penyata kewangan.

Dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan bersifat luar biasa yang mungkin, pada pendapat para pengarah, banyak menjejaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi dua belas bulan yang berikutnya.



## Laporan Pengarah (samb.)

### DIVIDEN

Dalam tahun kewangan, Syarikat telah membayar dividen pertama dan terakhir sebanyak 4.0%, ditolak cukai 28.0%, bagi tahun kewangan sebelumnya berjumlah RM61,359,370 yang mana amaun tersebut telah diambil kira dalam laporan pengarah bagi tahun kewangan tersebut dan telah dibayar pada 17 Oktober 2005 kepada para pemegang saham yang namanya tersenarai di dalam Rekod Para Pelabur pada 3 Oktober 2005.

Bagi tahun kewangan semasa, para pengarah kini mencadangkan pembayaran dividen pertama dan terakhir sebanyak 4.0%, ditolak cukai 28.0%, berjumlah RM76,699,213 yang akan dibayar kepada para pemegang saham yang namanya berdaftar di dalam Rekod Para Pelabur pada tarikh yang akan ditentukan oleh para pengarah. Penyata kewangan untuk tahun kewangan semasa tidak meengambil kira cadangan dividen tersebut. Dividen tersebut, jika diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambil kira di dalam dana pemegang saham sebagai agihan dari keuntungan tidak diagih di dalam tahun kewangan yang berikut berakhir 31 Mac 2007.

### RIZAB DAN PERUNTUKAN

Berikut adalah pindahan-pindahan penting ke (daripada) rizab dan peruntukan yang dibuat dalam tahun kewangan:

	Nota kepada Penyata Kewangan	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
(a) Premium Saham			
Timbul daripada perbelanjaan berkaitan dengan tawaran jualan terhadap kumpulan perbankan pelaburan dan penswastaaan AMFB	30	6,806	6,013
(b) Rizab Berkanun			
Pindahan daripada keuntungan tidak diagihkan	30	86,979	-
(c) Rizab Penilaian Semula			
Pindahan kepada keuntungan tidak diagihkan		-	378,830
(d) Rizab Sedia Untuk Dijual			
Timbul daripada kerugian belum direalisasi bersih atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dijual	30	17,017	-
(e) Rizab Pertukaran Mata Wang Asing			
Timbul daripada penterjemahan mata wang bagi syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu	30	650	-
(f) Peruntukan/(Masuk kira semula peruntukan):			
Faedah tergantung	32	115,958	-
Peruntukan bagi kerugian pinjaman dan pembiayaan			
Peruntukan tertentu - bersih	36	951,914	-
Peruntukan am	36	92,171	-
Pindahan ke rizab persamaan keuntungan	22	4,494	-
(Masuk kira semula)/Kerugian kemerosotan nilai atas:			
Sekuriti		(90,224)	-
Aset diperolehi hasil pertukaran hutang		660	-
Peruntukan pelbagai hutang ragu - bersih		16,470	-
Peruntukan penglibatan dan tanggungan luar jangka		262	-

### HUTANG LAPUK DAN RAGU DAN PEMBIAYAAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang lapuk dan pembiayaan dan membuat peruntukan hutang ragu dan pembiayaan dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk dan pembiayaan yang dikenal pasti telah dihapuskan dan peruntukan yang secukupnya telah disediakan bagi hutang ragu dan pembiayaan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk dan pembiayaan dihapuskan atau jumlah peruntukan hutang ragu dan pembiayaan bagi Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi.

## Laporan Pengarah (samb.)

### ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa aset semasa, selain daripada hutang dan pembiayaan, yang tidak mungkin direalisasikan melalui urus niaga biasa, nilai seperti ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah dikurangkan nilai kepada nilai anggaran boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

### KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menampilkan pematuhan kaedah penilaian aset atau tanggungan yang sedia ada di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, mengelirukan atau tidak sesuai.

### TANGGUNGAN LUAR JANGKA DAN LAIN-LAIN TANGGUNGAN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan dan menjadi sandaran bagi pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luar jangka bagi Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan, melainkan yang ditanggung melalui operasi urus niaga biasa.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan lain yang boleh atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh akhir tempoh kewangan yang mana, pada pendapat para pengarah akan atau mungkin memberi kesan yang besar terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya.

### PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui akan adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang boleh menyebabkan sebarang amaun dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

### TERBITAN SAHAM DAN DEBENTUR

Sepanjang tahun kewangan, Syarikat tidak menerbitkan sebarang saham dan debentur baru.

Dalam tahun kewangan, modal saham diterbitkan dan dibayar penuh Syarikat telah meningkat daripada 2,130,533,695 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu kepada 2,130,538,695 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dengan terbitan 5,000 saham-saham baru biasa bernilai RM1.00 setiap satu pada RM2.19 sesaham menerusi pelaksanaan saham waran 2003/2008 Syarikat. Premium saham terhasil berjumlah RM5,950 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.

### OPSYEN SAHAM

Syarikat tidak memberi opsyen bagi mengambil alih saham yang tidak diterbitkan oleh Syarikat.

Tiada sebarang saham yang diterbitkan pada tahun kewangan ini menerusi pelaksanaan sebarang opsyen bagi mengambil alih saham-saham Syarikat. Pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang saham-saham tidak diterbitkan oleh Syarikat di bawah opsyen ini.

### WARAN

Syarikat tidak menerbitkan sebarang waran baru di sepanjang tahun kewangan.

- (i) Waran 1997/2007 telah dilembagakan di bawah Surat Ikatan Pol bertarikh 19 Mac 1997.

Ciri-ciri utama Waran 1997/2007 adalah seperti berikut:

- (a) Setiap Waran 1997/2007 memberi hak kepada pemegang yang berdaftar untuk melanggan satu saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga pelaksanaan sepanjang tempoh pelaksanaan.
- (b) Harga pelaksanaan adalah RM6.51 sesaham, dan boleh dibayar keseluruhannya dengan wang tunai, atau sebahagian dengan wang tunai dan bakinya dengan penyerahan Bon 1997/2002, dalam berbagai kombinasi, atau keseluruhannya dengan penyerahan Bon 1997/2002 bagi setiap Waran 1997/2007 dipegang selepas setahun dari tarikh peruntukan. Harga pelaksanaan Waran 1997/2007 adalah tertakluk kepada pelarasan dalam keadaan tertentu menurut peruntukan Surat Ikatan Pol. Bon 1997/2002 matang dalam 2002 dan telah dilunaskan sepenuhnya.
- (c) Tempoh Waran 1997/2007 adalah untuk jangka masa permulaan lima tahun kalender. Jangka masa ini telah dilanjutkan untuk lima tahun lagi dan akan matang pada 13 Mei 2007.



## Laporan Pengarah (samb.)

Pergerakan saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah Waran 1997/2007 dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan Saham Biasa bernilai RM1.00 setiap satu		
	Baki pada 1.4.2005	Diterbitkan Dilaksanakan	Baki pada 31.3.2006
Bilangan saham belum diterbitkan di bawah Waran 1997/2007	143,534,078	-	- 143,534,078

(ii) Waran 2003/2008 telah dilembagakan di bawah Surat Ikatan Pol bertarikh 29 November 2002 dan 29 Januari 2003.

Ciri-ciri utama Waran 2003/2008 adalah seperti berikut:

- Setiap Waran 2003/2008 memberi hak kepada pemegang yang berdaftar untuk melanggan satu saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga pelaksanaan sepanjang tempoh pelaksanaan.
- Harga pelaksanaan adalah RM2.19 sesaham, dan dibayar penuh secara wang tunai bagi setiap Waran 2003/2008 dipegang dari tarikh peruntukan. Harga pelaksanaan Waran 2003/2008 adalah tertakluk kepada pelarasan di dalam keadaan tertentu menurut peruntukan Surat Ikatan Pol.
- Tempoh Waran 2003/2008 adalah untuk jangka masa permulaan lima tahun kalendar dan akan matang pada 20 Mac 2008.

Pergerakan saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah Waran 2003/2008 dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan Saham Biasa bernilai RM1.00 setiap satu		
	Baki pada 1.4.2005	Diterbitkan Dilaksanakan	Baki pada 31.3.2006
Bilangan saham belum diterbitkan di bawah Waran 2003/2008	132,105,145	-	- 132,105,145

## PARA PENGARAH

Para pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan lalu adalah:

Tan Sri Dato' Azman Hashim

Dato' Azlan Hashim

Tun Mohammed Hanif Omar (Pengarah Bebas)

Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman (Pengarah Bebas)

Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert (Pengarah Bebas)

Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain (Pengarah Bebas)

Dato' Izham Mahmud (Pengarah Bebas)

Cheah Tek Kuang

Soo Kim Wai

Shalina Azman

Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba (Pengarah Bebas; Meletak jawatan pada 15.12.2005)

Tan Sri Dato' Dr Lim Kok Wing (Pengarah Bebas; Meletak jawatan pada 13.03.2006)

Mengikut Artikel 89 Tata Urusan Syarikat, Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman, Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain, Dato' Izham Mahmud and Shalina Azman bersara, dan oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

## Laporan Pengarah (samb.)

### KEPENTINGAN PENGARAH

Menurut Tata Urusan Syarikat, para pengarah tidak perlu memiliki saham di dalam Syarikat.

Kepentingan para pengarah dalam saham dan debentur Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari pada akhir tahun kewangan seperti tercatat dalam Daftar Pemegangan Saham Pengarah yang disimpan oleh Syarikat di bawah Seksyen 134, Akta Syarikat 1965, adalah seperti berikut:

### KEPENTINGAN LANGSUNG

#### Dalam Syarikat

Saham	Bilangan Saham Biasa bernilai RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.3.2006
	Baki pada 1.4.2005	Belian	Jualan	
Tan Sri Dato' Azman Hashim	675,490	-	675,490	-
Dato' Azlan Hashim	95,952	-	5,952	90,000
Dato' Izham Mahmud	4,670	-	-	4,670
Cheah Tek Kuang	23,800	-	-	23,800

Waran 2003/2008	Bilangan Waran bernilai RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.3.2006
	Baki pada 1.4.2005	Belian	Dilaksanakan/ Jualan	
Cheah Tek Kuang	46,189	-	-	46,189

#### Dalam syarikat subsidiari,

#### AmlInvestment Group Berhad

Hak Boleh Lepas	Bilangan Hak Boleh Lepas bernilai RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.3.2006
	Baki pada 1.4.2005	Dilaksanakan	Luput	
Tan Sri Dato' Azman Hashim	118,954,848	118,954,848	-	-
Dato' Azlan Hashim	221,995	221,995	-	-
Tun Mohammed Hanif Omar	200,000	200,000	-	-
Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman	50,000	50,000	-	-
Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert	50,000	50,000	-	-
Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain	50,000	50,000	-	-
Dato' Izham Mahmud	101,070	101,070	-	-
Cheah Tek Kuang	2,620,075	2,620,075	-	-
Soo Kim Wai	100,000	100,000	-	-
Shalina Azman	100,000	100,000	-	-

## Laporan Pengarah (samb.)

### KEPENTINGAN LANGSUNG

Dalam syarikat subsidiari,  
AmInvestment Group Berhad

Saham	Bilangan Saham Biasa bernilai RM1.00 setiap satu			
	Baki pada 1.4.2005	Belian	Jualan	Baki pada 31.3.2006
Tan Sri Dato' Azman Hashim	-	118,954,848	24,400,000	<b>94,554,848</b>
Dato' Azlan Hashim	-	223,331	-	<b>223,331</b>
Tun Mohammed Hanif Omar	-	200,000	-	<b>200,000</b>
Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman	-	50,000	-	<b>50,000</b>
Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert	-	50,000	-	<b>50,000</b>
Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain	-	50,000	-	<b>50,000</b>
Dato' Izham Mahmud				
- Dipegang secara langsung	-	101,070	-	<b>101,070</b>
- Dipegang melalui nomini	-	6,000	-	<b>6,000</b>
Cheah Tek Kuang	-	2,620,100	1,500,000	<b>1,120,100</b>
Soo Kim Wai	-	100,000	-	<b>100,000</b>
Shalina Azman	-	100,000	-	<b>100,000</b>

Dalam syarikat subsidiari,  
AmMerchant Bank Berhad

Bon Bersubordinat Boleh Tebus dan Tidak Bercagar	Nilai Nominal RM1.00 setiap satu			
	Baki pada 1.4.2005	Belian	Jualan	Baki pada 31.3.2006
Dato' Izham Mahmud	250,000	-	250,000	-

## Laporan Pengarah (samb.)

**KEPENTINGAN TIDAK LANGSUNG****Dalam Syarikat,**

Saham	Nama Syarikat	Bilangan Saham Biasa bernilai RM1.00 setiap satu			
		Baki pada 1.4.2005	Belian	Jualan	Baki pada 31.3.2006
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmcorpGroup Berhad	658,252,421	13,000,000	-	<b>671,252,421</b>
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	439,047	-	-	<b>439,047</b>
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	913,905	-	913,905	-
	Regal Genius Sdn Bhd	29,490,000	-	-	<b>29,490,000</b>

Waran 2003/2008	Nama Syarikat	Bilangan Waran bernilai RM1.00 setiap satu			
		Baki pada 1.4.2005	Belian	Jualan/ Dilaksanakan	Baki pada 31.3.2006
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmcorpGroup Berhad	5,954,097	-	-	<b>5,954,097</b>
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	22,682	-	-	<b>22,682</b>
	Regal Genius Sdn Bhd	2,989,936	-	-	<b>2,989,936</b>
	Corporateview Sdn Bhd	31,658,738	-	-	<b>31,658,738</b>

**Dalam syarikat subsidiari,  
AmInvestment Group Berhad**

Hak Boleh Lepas	Nama Syarikat	Bil. Hak Boleh Lepas bernilai RM1.00 setiap satu			
		Baki pada 1.4.2005	Dilaksanakan	Luput	Baki pada 31.3.2006
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmcorpGroup Berhad	150,896,688	150,896,688	-	-
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	100,646	100,646	-	-
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	209,502	209,502	-	-
	Regal Genius Sdn Bhd	6,760,238	6,760,238	-	-

## Laporan Pengarah (samb.)

### KEPENTINGAN TIDAK LANGSUNG

Dalam syarikat subsidiari,  
AmInvestment Group Berhad

Saham	Nama Syarikat	Bilangan Saham Biasa bernilai RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.3.2006
		Baki pada 1.4.2005	Belian	Jualan	
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmcorpGroup Berhad	-	150,896,688	-	<b>150,896,688</b>
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	-	100,646	-	<b>100,646</b>
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	-	209,502	-	<b>209,502</b>
	Regal Genius Sdn Bhd	-	6,760,238	-	<b>6,760,238</b>

Dalam syarikat subsidiari,  
AmAssurance Berhad

Saham	Nama Syarikat	Bilangan Saham Biasa bernilai RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.3.2006
		Baki pada 1.4.2005	Belian	Jualan	
Dato' Azlan Hashim	ABH Holdings Sdn Bhd	34,062,000	-	34,062,000	-

Berdasarkan pegangan saham yang dinyatakan di atas, para pengarah di atas dianggap mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan.

### MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada pengarah Syarikat telah menerima atau layak menerima sebarang ganjaran (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran pengarah yang telah diterima atau akan diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 38 penyata kewangan) atas sebab perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan dengan para pengarah atau dengan firma di mana para pengarah adalah ahli, atau syarikat di mana para pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar, kecuali urusan niaga pihak berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Nota 37 kepada penyata kewangan.

Selain dari manfaat di bawah tawaran untuk jualan terhad oleh Syarikat kepada pemegang-pemegang saham dan AIGB kepada kakitangan yang layak berikutan Penyenaraian AIGB pada Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, Syarikat tidak terlibat dalam sebarang urusan semasa atau akhir tahun kewangan bertujuan bagi membolehkan para pengarah menerima manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau lain-lain badan korporat.

## Laporan Pengarah (samb.)

Kehadiran ahli-ahli Lembaga di mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan pelbagai Jawatankuasa Lembaga adalah seperti berikut:

Bilangan mesyuarat yang dihadiri dalam Tahun Kewangan ("TK") 2006						
	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Pencalonan	Jawatankuasa Ganjaran	Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan	Jawatankuasa Pengurusan Risiko #	Jawatankuasa Pengurusan Risiko ##
Tan Sri Dato' Azman Hashim	13	1 (berkuatkuasa 15.12.2005)	T/B	T/B	T/B	T/B
Dato' Azlan Hashim	13	3	3	4	T/B	T/B
Tun Mohammed Hanif Omar	12	T/B	T/B	T/B	T/B	5 (Letak jawatan sebagai Pengerusi/ Ahli, berkuatkuasa 1.12.2005)
Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman	10	1 (Pengerusi/ Ahli, berkuatkuasa 15.12.2005)	T/B	4 ( Pengerusi/ Ahli, berkuatkuasa 15.12.2005)	11	T/B
Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert	13	1 (berkuatkuasa 15.12.2005)	T/B	T/B	11 ( Pengerusi/ Ahli, berkuatkuasa 31.03.2005)	1 (Pengerusi Jawatankuasa, berkuatkuasa 1.12.2005)
Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain	12	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B
Dato' Izham Mahmud	13	3	3 ( Pengerusi/ Ahli, berkuatkuasa 15.12.2005)	4	T/B	T/B
Cheah Tek Kuang	13	T/B	T/B	T/B	T/B	5 (Letak jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa, berkuatkuasa 1.12.2005)
Soo Kim Wai	13	T/B	2 (Berkuatkuasa 27.09.2005)	T/B	T/B	T/B
Shalina Azman	11	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B
Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba (Meletak jawatan pada 15.12.2005)	9	2	1	3	8	T/B
Tan Sri Dato' Dr Lim Kok Wing (Meletak jawatan pada 13.03.2006)	4	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B
Tan Kheng Soon**	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B	1 (Berkuatkuasa 1.12.2005)
Bilangan mesyuarat yang diadakan dalam TK2006	13	3	3	4	11	6

Nota: # Jawatankuasa Pengurusan Risiko Para Pengarah di AmMerchant Bank.

## Jawatankuasa Pengurusan Risiko Para Pengarah di AmBank (M).

\*\* Ahli Lembaga Pengarah kepada AmBank (M) Berhad.

Semua kehadiran menunjukkan bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh perkhidmatan Pengarah.

T/B menunjukkan bukan ahli.



## Laporan Pengarah (samb.)

### URUS TADBIR KORPORAT

#### (i) PENGAWASAN DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah (“Lembaga”) komited sepenuhnya untuk memastikan prinsip dan amalan terbaik dalam urus tadbir korporat digunakan secara konsisten di dalam Kumpulan, kerana Syarikat merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan. Aktiviti-aktiviti perniagaan utama dikendalikan melalui pelbagai syarikat-syarikat subsidiari.

Lembaga mengawasi pengurusan perniagaan Kumpulan dan hal ehwal dengan matlamat meningkatkan nilai pemegang saham. Mesyuarat Lembaga dijadualkan setiap bulan bagi melaksanakan tugas serta bertanggungjawab, dengan mesyuarat tambahan diadakan jika dan apabila perlu.

Lembaga mengkaji perkara-perkara utama di bidang strategi, kewangan, struktur dan organisasi serta pembangunan perniagaan (tertakluk kepada perkara yang dirizabkan untuk mesyuarat pemegang saham mengikut undang-undang). Ia mengasaskan garis panduan untuk keseluruhan perniagaan, polisi risiko dan kawalan, peruntukan modal dan meluluskan perubahan utama dalam aktiviti perniagaan Kumpulan.

Lembaga pada masa ini terdiri daripada sepuluh (10) pengarah yang mempunyai kemahiran dan pengalaman luas, yang mana lima (5) adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Para Pengarah menyertai sepenuhnya dalam proses membuat keputusan dalam isu-isu penting berhubung Syarikat dan subsidiarinya. Para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas memastikan strategi-strategi yang dicadangkan oleh pihak pengurusan dibincangkan dan diperiksa sepenuhnya, serta mengambilkira kepentingan jangka panjang para pemegang amanah harta.

Terdapat pembahagian yang nyata antara peranan-peranan yang dimainkan oleh Pengerusi dan Ketua Eksekutif Operasi subsidiari-subsidiari.

Kumpulan Pengurusan Kanan syarikat subsidiari dijemput menghadiri Mesyuarat Lembaga untuk memberi penerangan terperinci dan penjelasan tentang perkara-perkara yang dibawa ke Lembaga. Setiausaha Kumpulan telah diberi kuasa oleh Lembaga di dalam hal-hal urus tadbir dan pematuhan kewajipan berkanun.

#### (ii) JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA

Lembaga membahagikan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga. Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam bidang perbincangan tertentu adalah:

1. Jawatankuasa Pencalonan
2. Jawatankuasa Ganjaran
3. Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan

Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah diwujudkan di AmMerchant Bank dan AmBank(M).

Peranan dan tanggungjawab setiap jawatankuasa diwujudkan berdasarkan terma rujukan yang telah diluluskan oleh Lembaga. Minit mesyuarat Jawatankuasa akan dibentangkan pada mesyuarat Pengarah berikutnya bagi tujuan pendapat dan notasi.

## Laporan Pengarah (samb.)

### Jawatankuasa Pencalonan

Ia bertanggungjawab untuk sentiasa mengkaji struktur, saiz dan komposisi Lembaga serta mengenal pasti dan mencadangkan perlantikan pengarah baru bagi Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Setiap tahun, Jawatankuasa mengkaji keperluan kemahiran dan pengalaman dan kualiti serta kebolehan lain Pengarah Bukan Eksekutif ke dalam Lembaga.

Sepanjang tahun kewangan, tiga (3) mesyuarat telah diadakan bagi mengkaji pencalonan dan penyertaan ke Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Selain itu, Jawatankuasa Pencalonan telah membuat penilaian prestasi Jawatankuasa dan keberkesanan Lembaga secara keseluruhannya dan sumbangan setiap Pengarah terhadap keberkesanan Lembaga.

### Jawatankuasa Ganjaran

Semua ahli Jawatankuasa ini adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Jawatankuasa bertanggungjawab menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga rangka kerja atau polisi lembaga bagi ganjaran para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan pengurusan kanan lain.

Ganjaran untuk para pengarah ditentukan pada tahap yang membolehkan Kumpulan menarik dan mengekalkan para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan pengurusan kanan lain yang mempunyai kepakaran yang relevan yang diperlukan untuk mengurus Kumpulan dengan berkesan.

### Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan

Lembaga telah melantik Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (Jawatankuasa A & P) bagi membantu menunaikan tanggungjawabnya untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi aset Kumpulan dan pelaburan para pemegang saham.

Penyata kewangan, dasar-dasar perakaunan dan sistem kawalan dalaman perakaunan adalah tanggungjawab Lembaga Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan bermesyuarat dalam tahun bagi mengkaji skop kedua-dua fungsi audit dalaman dan juruaudit berkanun, keputusan yang dicapai serta penilaian sistem kawalan dalaman. Penyata kewangan disatukan Kumpulan dan penyata kewangan Syarikat telah dikaji oleh Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan sebelum diserahkan kepada pengarah Syarikat untuk peryerapan.

Selain itu, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan telah mengkaji syarat-syarat kelulusan dan pendedahan urus niaga pihak-pihak yang berkaitan, mengkaji prosedur yang telah diambil oleh Kumpulan bagi tujuan mengenal pasti dan melapor dimana perlu, mendapatkan kebenaran bagi urus niaga berkaitan dan dengan bantuan juruaudit dalaman, mengkaji urus niaga pihak-pihak berkaitan.

### Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko merupakan bahagian yang penting dalam proses membuat keputusan strategik Kumpulan untuk memastikan objektif-objektif korporat selaras dengan pulangan risiko yang betul. Lembaga AmMerchant dan AmBank (M) meluluskan strategi pengurusan risiko dan menetapkan had toleransi risiko; dan meluluskan penggunaan produk-produk baru atau aktiviti-aktiviti selepas mengambilkira kapasiti tanggungan risiko dan persediaan AmMerchant Bank dan AmBank (M).

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pengarah ditubuhkan di AmMerchant dan AmBank (M) bagi menyelia seluruh pengurusan kredit, pasaran, kecairan, operasi, perundangan, modal dan risiko strategik yang membawa kesan kepada Kumpulan serta memastikan proses pengurusan risiko berfungsi dengan lancar.

Jawatankuasa ini bebas dari pengurusan dan hanya merangkumi pengarah-pengarah bukan eksekutif. Jawatankuasa memastikan had toleransi Lembaga dikuatkuasakan sepenuhnya, serta mengkaji pendedahan kepada had risiko tinggi dan keputusan pengagihan modal serta memastikan bahawa kesemua ini adalah dalam kepentingan AmMerchant Bank dan AmBank (M). Ia juga mengkaji keupayaan AmMerchant Bank dan AmBank (M) berhadapan dengan risiko ini dalam keadaan normal dan tertekan.

Jabatan Pengurusan Risiko bebas daripada pelbagai unit perniagaan dan memainkan peranan sebagai mangkin bagi membangunkan dan mengekalkan polisi yang menyeluruh serta mengurus polisi, strategi dan prosedur dengan teliti dalam Kumpulan. Fungsi-fungsinya merangkumi penyelidikan dan analisis, laporan portfolio pendedahan risiko, penyeliaan pematuhan, perumusan polisi-polisi dan metodologi penilaian risiko dan perumusan strategi risiko.

### Audit Dalaman dan Aktiviti Kawalan Dalaman

Jabatan Audit Dalaman melapor kepada Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan dan Ketua Audit Dalaman Kumpulan. Ia membantu Lembaga Pengarah mengkaji serta melapor risiko perniagaan dan kawalan dalaman dan beroperasi berdasarkan rangka kerja yang didefinisikan dalam Piagam Audit.

Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan meluluskan pelan audit tahunan Audit Dalaman yang merangkumi audit bagi unit dan operasi utama dalam Kumpulan. Keputusan setiap audit diserahkan kepada Jawatankuasa Audit Kumpulan & Pemeriksaan dan semua perkara-perkara penting akan dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan. Keputusan mesyuarat Audit dan Pemeriksaan akan dibentangkan secara formal di Lembaga Pengarah bagi tujuan notasi dan pengambilan tindakan dimana perlu. Ketua Audit Dalaman Kumpulan dan juruaudit luar akan menyertai mesyuarat ini melalui jemputan.

## Laporan Pengarah (samb.)

Skop audit dalaman merangkumi kajian kecukupan proses pengurusan risiko, kawalan operasi, kawalan kewangan, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan, serta keberkesanan pengurusan, latihan pembiayaan dan teknologi maklumat, termasuk pelbagai sistem aplikasi dalam produksi, pengumpulan maklumat dan rangkaian sekuriti.

Audit Dalaman memberi tumpuan kepada pelaksanaan audit berdasarkan pelan audit, yang memberi keutamaan kepada penilaian risiko audit yang menyeluruh terhadap semua bahagian yang penting dan perlu diaudit dalam Kumpulan. Struktur penilaian risiko audit memastikan kesemua bahagian risiko yang dikenal pasti diberi perhatian bagi memastikan keberkesanan liputan audit dan kekerapan audit. Pelan audit yang berasaskan risiko dikaji setiap tahun bagi mengenal pasti perubahan kewangan yang penting dalam persekitaran perniagaan dan risiko.

Audit Dalaman juga aktif dalam aktiviti pembangunan sistem yang penting dan dalam jawatankuasa projek bagi tujuan memberi nasihat dalam bidang pengurusan risiko dan langkah-langkah kawalan dalaman.

### (iii) MAKLUMAT PENGURUSAN

Kesemua Pengarah mengkaji kertas kerja dan laporan Lembaga sebelum setiap mesyuarat Lembaga. Maklumat dan keterangan berkaitan dengan operasi Syarikat dan subsidiarinya yang penting bagi pengetahuan Pengarah berkaitan perkara-perkara dalam agenda mesyuarat dan perkara-perkara lain yang berkaitan akan diedarkan sebelum mesyuarat dimulakan. Laporan Lembaga, termasuk minit mesyuarat kesemua jawatankuasa Lembaga, keputusan pencapaian bulanan Kumpulan, pengurusan risiko kredit, aset liabiliti dan pengurusan risiko pasaran dan pencapaian industri serta pembangunan peraturan yang sedia ada dan persekitaran ekonomi dan perniagaan.

Kesemua laporan ini diterbitkan awal bagi membolehkan para pengarah mempunyai masa untuk memperolehi keterangan dan dimana perlu, diberikan taklimat dengan teliti sebelum mesyuarat. Lembaga akan memberi pendapat berasaskan polisi Kumpulan.

### PENGIKTIRAFAN OLEH AGENSI LUAR

Bon RM150.0 juta 3.0% 5-tahun Dijamin Bank Boleh Tebus dan Tidak Bercagar 2002/2007 dengan waran boleh cerai yang diterbitkan oleh Syarikat telah diberi pemeringkatan jangka panjang AAA (bg) dan AA3 (bg) bagi Tahap 1 berjumlah RM100.0 juta dan Tahap 2 berjumlah RM50.0 juta oleh Rating Agency Malaysia Berhad ("RAM").

Taraf jangka panjang dan jangka pendek AA3/P1 dari RAM dan A+/MARC-1 dari Malaysian Rating Corporation Berhad untuk bank saudagar telah dilengkapkan dengan pemeringkatan antarabangsa BB+(Stable)/B dari Standard and Poor's, BB(Stable)/B dari Capital Intelligence dan BB+(Stable)/B dari Fitch Ratings Singapore Pte Ltd (dahulunya dikenali sebagai Fitch IBCA, Duff & Phelps). RM 460.0 juta Bon Bersubordinat Boleh Ditebus dan Tidak Bercagar dan RM200.0 juta Bon Bersubordinat Tahap 2 masing-masing telah diberi pemeringkatan jangka panjang A1 oleh Rating Agency Malaysia Berhad.

Pemeringkatan jangka panjang dan jangka pendek A2/P1 AmBank (M) telah diperakui semula oleh RAM. AmBank (M) telah dilengkapkan dengan pemeringkatan antarabangsa Baa2/P3 dari Moody's Investors Service, BBB-/A-3 dari Standard & Poor's and BBB-/F3 dari Fitch

RM200.0 juta Bon Bersubordinat Boleh Ditebus dan Tidak Bercagar yang diterbitkan oleh AmBank (M) telah diberi pemeringkatan jangka panjang A3 juga telah diperakui semula RAM.

Sekuriti Hibrid telah diberi taraf Ba2 oleh Moody's Investor Service, BB oleh Standard & Poor's dan BB oleh Fitch.

### JAWATANKUASA SHARIAH

Jawatankuasa Syariah ditubuhkan di bawah "Garis Panduan Urus Tadbir Jawatankuasa Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (BNM/GPS 1)" yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia bagi memberi nasihat serta petunjuk kepada Lembaga Pengarah ke atas semua aspek berkaitan dengan prinsip Syariah termasuk pembangunan produk, pasaran dan pelaksanaan. Penasihat Syariah turut membantu dalam pembentukan perniagaan dan prosedur operasi yang berkaitan dengan pematuhan kepada prinsip Syariah.

### JURUAUDIT

Juruaudit Tetuan Ernst & Young, menyatakan kesanggupan untuk dilantik semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah.



**TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM**



**CHEAH TEK KUANG**

## Kenyataan oleh Para Pengarah Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, **TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM** dan **CHEAH TEK KUANG**, bagi pihak pengarah-pengarah **AMMB HOLDINGS BERHAD**, dengan bangganya menyatakan bahawa pada pendapat mereka, penyata kewangan yang dilampirkan adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia, Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 supaya memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2006 dan keputusan serta perubahan dalam ekuiti dan aliran wang tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah.



**TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM**



**CHEAH TEK KUANG**

Kuala Lumpur, Malaysia  
Tarikh: 31 Mei 2006

## Pengakuan Berkanun Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965


Saya, **ARUNASALAM MUTHUSAMY**, pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan **AMMB HOLDINGS BERHAD**, dengan tulus ikhlas mengakui bahawa penyata kewangan yang dilampirkan adalah pada pendapat saya, benar, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya mempercayai bahawa perkara tersebut adalah benar, dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama di atas  
**ARUNASALAM MUTHUSAMY**  
di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan  
pada 31 Mei 2006.



**ARUNASALAM MUTHUSAMY**

Di hadapan saya,



**PESURUHJAYA SUMPAAH**



Dikemukakan bagi pihak:

Alamat: Tingkat 22, Bangunan AmBank Group,  
No. 55 Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur.  
Nombor Telefon: 03-20782633/44/55

# Laporan Juruaudit kepada Pemegang Saham

Kami telah mengaudit penyata kewangan berkenaan. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat kami mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami dan untuk melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada sesiapa yang lain untuk kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi kepastian munasabah sama ada penyata kewangan tersebut adalah bebas dari salah nyata yang matan. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pernyataan dalam penyata kewangan berkenaan. Audit juga merangkumi penilaian terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian terhadap pembentangan penyata kewangan keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.


Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajarnya mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965, Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan piawaian-piawaian perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai:
  - (i) kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2006 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Mac 2006; dan
  - (ii) perkara-perkara yang diperlukan menurut Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diambilkira dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang diperlukan menurut Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang diauditkan oleh kami telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta tersebut.

Kami telah meneliti penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat-syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh kami, sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 13 kepada penyata kewangan, yang mana penyata kewangan mereka telah dimasukkan dalam penyata kewangan yang disatukan.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan syarikat subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan bagi syarikat subsidiari yang diperbadankan di Malaysia tidak mengandungi sebarang teguran di bawah Seksyen 174(3) Akta berkenaan.



**ERNST & YOUNG**  
AF : 0039  
Akauntan Berkanun



**LIM SAW KENG**  
No.2215/10/07(J)  
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia  
Tarikh: 31 Mei 2006

# Kunci Kira-Kira

Pada 31 Mac 2006

	Nota	2006		2005	
		Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<b>ASET</b>					
Wang tunai dan dana jangka pendek	4	9,455,262	19,959	7,778,102	90,682
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	5	719,590	78,050	147,520	31,950
Deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi	6	752,693	37,101	781,552	26,629
Sekuriti dipegang untuk jualan	7	6,098,040	170,197	3,836,207	150,233
Sekuriti sedia untuk dijual	8	1,603,605	-	1,487,478	-
Sekuriti dipegang hingga matang	9	2,713,041	-	2,289,850	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	10	44,860,468	-	40,099,556	-
Lain-lain aset	11	1,208,504	33,992	1,171,794	249,246
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	12	1,776,693	-	1,545,877	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	13	-	4,051,165	-	4,461,248
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	14	40,295	-	38,715	-
Harta dan kelengkapan	15	496,979	460	480,366	577
Aset dana nyawa	51	1,162,488	-	949,425	-
Aset cukai tertunda	40	857,003	-	984,745	-
Ihsan berpunca dari penyatuan	16	515,976	-	523,046	-
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>72,260,637</b>	<b>4,390,924</b>	<b>62,114,233</b>	<b>5,010,565</b>
<b>TANGGUNGAN DAN EKUITI</b>					
Deposit daripada pelanggan	17	38,918,164	-	34,447,340	-
Deposit dan penempatan bank dan lain-lain institusi kewangan	18	14,640,801	-	12,186,531	-
Kewajipan atas jualan sekuriti bawah perjanjian beli-balik	19	3,572,257	-	1,450,886	-
Bil dan penerimaan belum bayar	20	912,723	-	518,938	-
Kewajipan rekursa atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	21	1,868,649	-	2,786,448	-
Lain-lain tanggungan	22	2,281,779	3,468	1,992,279	5,565
Pinjaman berjangka	23	482,232	206,000	1,252,500	961,000
Sijil deposit bersubordinat	24	-	-	198,768	-
Pinjaman berjangka bersubordinat	25	680,000	-	680,000	-
Bon boleh ditebus dan tidak bercagar	26	919,638	144,638	801,481	141,481
Modal Hibrid	27	684,047	-	-	-
Tanggungan dana nyawa	51	152,315	-	121,267	-
Dana pemegang polisi nyawa	51	1,010,173	-	828,158	-
Jumlah tanggungan		<b>66,122,778</b>	<b>354,106</b>	<b>57,264,596</b>	<b>1,108,046</b>
Modal Saham	29	2,130,534	2,130,534	2,130,534	2,130,534
Rizab	30	2,898,505	1,906,284	2,682,756	1,771,985
Ekuiti pemegang saham		<b>5,029,039</b>	<b>4,036,818</b>	<b>4,813,290</b>	<b>3,902,519</b>
Kepentingan minoriti	31	1,108,820	-	36,347	-
Jumlah ekuiti		<b>6,137,859</b>	<b>4,036,818</b>	<b>4,849,637</b>	<b>3,902,519</b>
<b>JUMLAH TANGGUNGAN DAN EKUITI</b>		<b>72,260,637</b>	<b>4,390,924</b>	<b>62,114,233</b>	<b>5,010,565</b>
<b>PENGLIBATAN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKA</b>	46	<b>37,310,423</b>	<b>-</b>	<b>23,944,919</b>	<b>-</b>
<b>ASET BERSIH SESAHAM (RM)</b>	49	<b>2.36</b>	<b>1.89</b>	<b>2.26</b>	<b>1.83</b>

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.



# Penyata Pendapatan

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

	Nota	2006		2005	
		Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Pendapatan operasi	50	<b>4,976,810</b>	<b>244,644</b>	4,485,304	384,717
Pendapatan faedah	32	<b>3,161,607</b>	<b>9,980</b>	2,950,199	11,152
Perbelanjaan faedah	33	<b>(1,741,728)</b>	<b>(27,556)</b>	(1,567,725)	(27,130)
Pendapatan/(Perbelanjaan) faedah bersih		<b>1,419,879</b>	<b>(17,576)</b>	1,382,474	(15,978)
Pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam	55(xxiv)	<b>540,542</b>	-	435,965	-
Lain-lain pendapatan operasi	34	<b>904,014</b>	<b>234,664</b>	759,381	373,565
Pendapatan bersih		<b>2,864,435</b>	<b>217,088</b>	2,577,820	357,587
Lain-lain perbelanjaan operasi	35	<b>(1,450,177)</b>	<b>(3,253)</b>	(1,248,928)	(3,609)
Keuntungan operasi		<b>1,414,258</b>	<b>213,835</b>	1,328,892	353,978
Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	36	<b>(774,689)</b>	-	(770,469)	-
Pindahan ke rizab persamaan keuntungan	22	<b>(4,494)</b>	-	(57,949)	-
Kerugian kemerosotan harta tanah		-	-	(29,834)	-
Masuk kira semula/(Kerugian) kemerosotan nilai atas:					
Sekuriti		<b>90,224</b>	-	(15,294)	-
Aset diperolehi hasil pertukaran hutang		<b>(660)</b>	-	-	-
Peruntukan pelbagai hutang ragu belum terima – bersih		<b>(16,470)</b>	-	(4,025)	-
(Peruntukan)/Masuk kira semula peruntukan penglibatan dan tanggungan luar jangka		<b>(262)</b>	-	40,437	-
Keuntungan sebelum bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu dan pencukaian		<b>707,907</b>	<b>213,835</b>	<b>491,758</b>	<b>353,978</b>
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu		<b>2,202</b>	-	809	-
<b>Keuntungan sebelum pencukaian</b>		<b>710,109</b>	<b>213,835</b>	492,567	353,978
Pencukaian	39	<b>(231,069)</b>	<b>(12,164)</b>	(204,632)	(103,485)
Keuntungan sebelum kepentingan minoriti		<b>479,040</b>	<b>201,671</b>	287,935	250,493
Kepentingan para pemegang saham minoriti dalam keputusan syarikat-syarikat subsidiari	31	<b>(113,535)</b>	-	(83,948)	-
Keuntungan bersih hak para pemegang saham Syarikat		<b>365,505</b>	<b>201,671</b>	203,987	250,493
<b>Pendapatan sesaham (sen)</b>	42				
Asas		<b>17.16</b>	<b>9.47</b>	10.83	13.30
Tercair		<b>16.92</b>	<b>9.33</b>	10.67	13.10
<b>Dividen pertama dan terakhir sesaham biasa (sen)</b>					
Kasar		<b>5.0</b>	<b>5.0</b>	4.0	4.0
Bersih		<b>3.6</b>	<b>3.6</b>	2.9	2.9

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# Penyata Perubahan dalam Ekuiti

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

Kumpulan	Tidak boleh diagihkan					Boleh diagihkan		Jumlah RM'000
	Modal saham RM'000	Rizab modal RM'000	Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab sedia untuk dijual RM'000	Rizab pertukaran mata wang asing RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000	
<b>Pada 1 April 2004</b>								
Dinyatakan sebelum ini	1,858,806	125,284	263,058	1,164,073	-	19,604	597,636	4,028,461
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	18,736	-	290	19,026
Pada 1 April 2004 (dinyatakan semula)	1,858,806	125,284	263,058	1,164,073	18,736	19,604	597,926	4,047,487
Timbul daripada Penswastaan AMFB	-	(125,284)	-	-	-	-	(69,868)	(195,152)
Diterbitkan berikutan:								
- Pelaksanaan opsyen saham	12,886	-	17,567	-	-	-	-	30,453
- Pelaksanaan Waran 2003/2008	69,914	-	83,197	-	-	-	-	153,111
- Penswastaan AMFB	188,928	-	434,534	-	-	-	-	623,462
Pindahan ke keuntungan tidak diagihkan	-	-	-	(250,635)	-	-	250,635	-
Keuntungan belum direalisasi bersih atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dijual	-	-	-	-	7,994	-	-	7,994
Pelarasan terjemahan	-	-	-	-	-	(4,518)	-	(4,518)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	-	-	203,987	203,987
Dividen dibayar	-	-	-	-	-	-	(53,534)	(53,534)
<b>Pada 31 Mac 2005</b>	<b>2,130,534</b>	<b>-</b>	<b>798,356</b>	<b>913,438</b>	<b>26,730</b>	<b>15,086</b>	<b>929,146</b>	<b>4,813,290</b>

Kumpulan	Nota	Tidak boleh diagihkan					Boleh diagihkan		Jumlah RM'000
		Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab sedia untuk dijual RM'000	Rizab pertukaran mata wang asing RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000		
<b>Pada 1 April 2005</b>									
Dinyatakan sebelum ini		2,130,534	798,356	913,438	-	15,086	926,810	4,784,224	
Pelarasan tahun lepas	54	-	-	-	26,730	-	2,336	29,066	
Pada 1 April 2005 (dinyatakan semula)		2,130,534	798,356	913,438	26,730	15,086	929,146	4,813,290	
Timbul dari Penyusunan Semula Kumpulan <sup>^</sup>		-	-	-	-	-	(65,224)	(65,224)	
Pindahan daripada penyata pendapatan		-	-	86,979	-	-	(86,979)	-	
Perbelanjaan berkaitan dengan Penyusunan Semula Kumpulan		-	(6,806)	-	-	-	-	(6,806)	
Keuntungan belum direalisasi bersih atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dijual		-	-	-	(17,017)	-	-	(17,017)	
Pelarasan terjemahan		-	-	-	-	650	-	650	
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	-	-	365,505	365,505	
Dividen dibayar	41	-	-	-	-	-	(61,359)	(61,359)	
<b>Pada 31 Mac 2006</b>		<b>2,130,534</b>	<b>791,550</b>	<b>1,000,417</b>	<b>9,713</b>	<b>15,736</b>	<b>1,081,089</b>	<b>5,029,039</b>	

<sup>^</sup> Ini adalah berkaitan dengan penurunan aset bersih Kumpulan yang timbul daripada 49.0% Tawaran Jualan Terhadap perbankan pelaburan Kumpulan di bawah Penyusunan Semula Kumpulan seperti yang didedahkan dalam Nota 13(1).

## Penyata Perubahan dalam Ekuiti (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

Syarikat	Nota	Modal saham RM'000	Tidak boleh diagihkan		Boleh diagihkan	Jumlah RM'000
			Premium saham RM'000	Rizab Penilaian semula RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000	
<b>Pada 1 April 2004</b>		1,858,806	263,058	532,154	244,516	2,898,534
Diterbitkan berikutan:						
- Pelaksanaan opsyen saham		12,886	17,567	-	-	30,453
- Pelaksanaan Waran 2003/2008		69,914	83,197	-	-	153,111
- Penswastaan AMFB		188,928	434,534	-	-	623,462
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	250,493	250,493
Dividen dibayar		-	-	-	(53,534)	(53,534)
<b>Pada 31 Mac 2005</b>		<b>2,130,534</b>	<b>798,356</b>	<b>532,154</b>	<b>441,475</b>	<b>3,902,519</b>
<b>Pada 1 April 2005</b>		<b>2,130,534</b>	<b>798,356</b>	<b>532,154</b>	<b>441,475</b>	<b>3,902,519</b>
Perbelanjaan berkaitan dengan Penyusunan Semula Kumpulan		-	(6,013)	-	-	(6,013)
Pindahan daripada penyata pendapatan *		-	-	(378,830)	378,830	-
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	201,671	201,671
Dividen dibayar	41	-	-	-	(61,359)	(61,359)
<b>Pada 31 Mac 2006</b>		<b>2,130,534</b>	<b>792,343</b>	<b>153,324</b>	<b>960,617</b>	<b>4,036,818</b>

\* Ini berkaitan dengan realisasi penilaian semula syarikat-syarikat subsidiari di bawah Penyusunan Semula Kumpulan.

# Penyata Aliran Wang Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

	2006		2005	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<b>ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN OPERASI</b>				
Keuntungan sebelum pencukaian	710,109	213,835	492,567	353,978
Campur/(Tolak) pelarasan bagi:				
Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	774,689	-	770,469	-
Faedah tergantung - bersih	115,958	-	73,226	-
Susutnilai harta dan kelengkapan	67,079	117	66,742	10
Pelunasan ihsan dan premium hasil penyatuan	27,977	-	15,719	-
Peruntukan pelbagai hutang ragu belum terima – bersih	16,470	-	4,025	-
Kerugian/(keuntungan) bersih jualan sekuriti dipegang untuk jualan	13,051	-	(59,357)	-
Pindahan ke rizab persamaan keuntungan	4,494	-	57,949	-
Harta dan kelengkapan dihapuskan	1,604	-	3,916	-
Pelbagai penghutang belum terima dihapuskan	981	-	283	-
Kerugian kemerosotan nilai atas aset diperolehi hasil pertukaran hutang	660	-	-	-
Peruntukan am/(Masuk kira semula peruntukan am) penglibatan dan tanggungan luar jangka	262	-	(40,437)	-
Peruntukan harta-harta dirampas	22	-	2,396	-
Masuk kira semula/(Kerugian) kemerosotan nilai atas sekuriti	(90,224)	-	15,294	-
Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan	(73,858)	(59,968)	(56,915)	(372,881)
(Keuntungan)/kerugian belum direalisasi atas penilaian semula sekuriti dipegang untuk jualan	(53,884)	-	21,711	-
Keuntungan dari jualan 10.0% kepentingan ekuiti dalam syarikat subsidiari insurans	(29,962)	-	-	-
Keuntungan bersih dari penebusan sekuriti dipegang hingga matang	(19,561)	-	(12,329)	-
Keuntungan pertukaran mata wang asing belum direalisasi	(11,267)	-	-	-
Keuntungan dari penilaian semula derivatif	(6,165)	-	(6,611)	-
Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun sekuriti pasaran wang – bersih	(5,554)	-	17,708	-
Keuntungan bersih dari jualan sekuriti sedia untuk dijual	(28,296)	-	(14,668)	-
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	(2,202)	-	(809)	-
Keuntungan bersih jualan harta dan kelengkapan	(1,807)	-	(3,816)	-
Pendapatan dari sekritisasi aset	(1,695)	-	(42,838)	-
Keuntungan atas penyeneraian syarikat subsidiari perbankan pelaburan	-	(174,497)	-	-
Kerugian kemerosotan harta tanah	-	-	29,834	-
Keuntungan modal timbul dari penerimaan saham Bursa Malaysia Berhad	-	-	(12,727)	-
Keuntungan bersih jualan aset pajakan	-	-	(3)	-
Keuntungan/(Kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja hantar hadapan	1,408,881	(20,513)	1,321,329	(18,893)

## Penyata Aliran Wang Tunai (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

	2006		2005	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<b>ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN OPERASI (samb.)</b>				
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja dibawa hadapan	<b>1,408,881</b>	<b>(20,513)</b>	1,321,329	(18,893)
(Pertambahan) / Pengurangan aset operasi:				
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	<b>(572,070)</b>	<b>(46,100)</b>	(82,702)	(31,663)
Deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi kewangan	<b>28,859</b>	<b>(10,472)</b>	(473,883)	72,710
Sekuriti dipegang untuk jualan	<b>(2,214,835)</b>	<b>154,533</b>	(28,604)	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	<b>(5,651,560)</b>	-	(2,398,203)	-
Lain-lain aset	<b>(18,609)</b>	<b>232,045</b>	77,762	115,941
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	<b>(230,816)</b>	-	(6,050)	-
Pertambahan/(Pengurangan) tanggungan operasi:				
Deposit daripada pelanggan	<b>4,470,824</b>	-	1,430,047	-
Deposit dan penempatan bank dan lain-lain institusi kewangan	<b>2,454,270</b>	-	743,765	-
Kewajipan sekuriti bawah perjanjian beli balik	<b>2,121,371</b>	-	(245,432)	-
Bil dan penerimaan belum bayar	<b>393,785</b>	-	247,199	-
Pinjaman berjangka	<b>(770,268)</b>	<b>(755,000)</b>	607,500	737,000
Kewajipan rekursa atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	<b>(917,799)</b>	-	(1,280,411)	-
Lain-lain tanggungan	<b>305,376</b>	<b>(11,104)</b>	(587,452)	(98,709)
Wang diwujudkan dari/(digunakan dalam) operasi	<b>807,409</b>	<b>(456,611)</b>	(675,135)	776,386
Pembayaran cukai	<b>(105,177)</b>	-	(104,877)	-
Wang tunai bersih diwujudkan dari/(digunakan dalam) dari kegiatan operasi	<b>702,232</b>	<b>(456,611)</b>	(780,012)	776,386

## Penyata Aliran Wang Tunai (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

	2006		2005	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<b>ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN PELABURAN</b>				
Perolehan dari jualan 10.0% kepentingan ekuiti dalam syarikat subsidiari insuran	64,400	-	-	-
Dividen diterima dari lain-lain pelaburan	53,178	-	40,978	-
Perolehan dari jualan harta dan kelengkapan (Pembelian)/Perolehan dari jualan sekuriti – bersih	2,017	-	23,912	-
	(412,699)	-	2,543,118	(140,530)
Pembelian harta dan kelengkapan	(93,647)	-	(67,004)	(587)
Baki 30.0% kepentingan ekuiti dalam syarikat subsidiari pengurusan amanah unit dan aset	(44,790)	-	-	-
Pemerolehan saham dalam syarikat subsidiari usahaniaga pengurusan modal	(105)	-	-	-
Perolehan dari jualan saham dalam syarikat perbankan komersil	-	436,242	-	-
Dividen diterima dari syarikat-syarikat subsidiari	-	43,177	-	268,474
Pemerolehan tambahan saham dalam syarikat subsidiari insurans	-	(26,159)	(44,588)	(82,518)
Dividen diterima dari syarikat-syarikat bersekutu	-	-	1,040	-
Pembayaran balik modal oleh syarikat bersekutu	-	-	780	-
Perolehan dari jualan aset pajakan	-	-	3	-
Bahagian tunai untuk pembelian baki 35.72% kepentingan ekuiti dalam AMFB Holdings Berhad	-	-	(736,819)	(736,819)
Pemerolehan tambahan saham dalam syarikat subsidiari pembrokeran saham	-	-	(9,396)	-
Langganan untuk terbitan hak syarikat subsidiari perbankan komersil	-	-	-	(85,000)
Langganan untuk terbitan hak syarikat subsidiari pajakan dan kredit	-	-	-	(73,500)
Wang tunai bersih (digunakan dalam)/ diwujudkan dari kegiatan pelaburan	(431,646)	453,260	1,752,024	(850,480)
<b>ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN KEWANGAN</b>				
Perolehan dari terbitan saham oleh syarikat subsidiari kepada kepentingan minoriti	905,780	-	575	-
Perolehan dari terbitan modal hibrid	684,047	-	-	-
Perolehan dari bon boleh ditebus dan tidak bercagar	118,157	-	-	-
Penebusan dari sijil deposit bersubordinat	(200,000)	-	-	-
Pembayaran dividen kepada para pemegang saham Syarikat	(61,359)	(61,359)	(53,534)	(53,534)
Pembayaran dividen kepada kepentingan minoriti oleh syarikat-syarikat subsidiari	(20,068)	-	(16,908)	-
Perbelanjaan penerbitan saham	(8,632)	(6,013)	-	-
Perolehan dari penerbitan waran baru 2003/2008 dalam Syarikat	-	-	153,111	153,111
Perolehan dari terbitan saham	-	-	30,453	30,453
Wang tunai bersih diwujudkan dari/ (digunakan dalam) kegiatan kewangan	1,417,925	(67,372)	113,697	130,030
Pertambahan/(Pengurangan) bersih wang tunai dan kesamaan wang tunai	1,688,511	(70,723)	1,085,709	55,936
Wang tunai dan kesamaan wang tunai pada awal tahun	7,740,607	90,682	6,654,898	34,746
Wang tunai dan kesamaan tunai pada akhir tahun (Nota 1)	9,429,118	19,959	7,740,607	90,682



## Penyata Aliran Wang Tunai (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### Nota 1 : Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Bagi tujuan penyata aliran wang tunai, wang tunai dan kesamaan wang tunai mengandungi wang tunai dan dana jangka pendek ditolak overdraf bank. Wang tunai dan kesamaan wang tunai dalam penyata wang aliran wang tunai terdiri daripada amaun kunci kira-kira yang berikut:

	2006		2005	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Wang tunai dan dana jangka pendek	9,455,262	19,959	7,778,102	90,682
Overdraf bank (Nota 22)	(26,081)	-	(37,192)	-
	<b>9,429,181</b>	<b>19,959</b>	7,740,910	90,682
Kesan perubahan kadar pertukaran mata wang	(63)	-	(303)	-
Wang tunai dan kesamaan wang tunai	<b>9,429,118</b>	<b>19,959</b>	7,740,607	90,682

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# Nota-Nota Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

## 1. KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai syarikat pegangan pelaburan

Kegiatan-kegiatan syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti yang disenaraikan dalam Nota 13.

Tiada perubahan penting berlaku dalam kegiatan-kegiatan Kumpulan dalam tahun kewangan.

Syarikat merupakan sebuah syarikat awam berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di dalam Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat telah diluluskan dan diberi kuasa untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada 26 April 2006.

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut konvesyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989, Akta Insurans 1996, Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan piawaian-piawaian perakaunan diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Penyata kewangan juga meliputi kegiatan perniagaan perbankan Islam yang dijalankan oleh Kumpulan. Perniagaan perbankan Islam secara amnya merujuk kepada penerimaan deposit, tawaran pembiayaan, pasaran modal dan aktiviti perbendaharaan di bawah prinsip Syariah.

## 3. POLISI-POLISI PENTING PERAKAUNAN

Polisi-polisi perakaunan sejajar dengan penyerapan penyata kewangan yang diaudit tahun lepas kecuali penyerapan Pelarasan Garis Panduan Laporan Kewangan bagi Institusi Berlesen (Pelarasan BNM/GP8) yang diterbitkan oleh BNM pada 5 Oktober 2004, yang telah berkuatkuasa bagi tahun kewangan semasa. Penyerapan pelarasan BNM/GP8 menyebabkan penyerapan polisi-polisi perakaunan baru yang berikut:

- (i) pengiktirafan dan pengukuran pegangan portfolio sekuriti pelaburan dan perniagaan Kumpulan sebagai sekuriti dipegang untuk jualan, sekuriti dipegang hingga matang dan sekuriti sedia untuk dijual;
- (ii) pengiktirafan dan pengukuran instrumen kewangan derivatif dan penyerapan perakaunan lindungan nilai; dan
- (iii) apabila pinjaman menjadi tidak berbayar, faedah terakru dan diiktiraf sebagai pendapatan sebelum tarikh pinjaman diklasifikasikan sebagai tidak berbayar mestilah dikeluarkan daripada pendapatan dan diimbangi dengan faedah belum terima terakru dalam kunci kira-kira. Selepas itu, faedah terakru atas pinjaman tidak berbayar mestilah diiktiraf sebagai pendapatan pada asas tunai berbanding dengan diakru dan digantung pada masa sama seperti yang dihuraikan sebelum ini.

Angka perbandingan telah dilaras atau dikembangkan untuk mematuhi syarat-syarat Pelarasan BNM/GP8 yang telah diambil kira secara retrospektif bagi satu tahun. Kesan daripada pertukaran ini didedahkan dalam Nota 54 penyata kewangan.

Peruntukan tertentu dan am bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dikira mengikut garis panduan BNM "Klasifikasi Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Substandard, Hutang Lapuk dan Ragu" dan sejajar dengan penyerapan dalam penyata kewangan tahun lepas.

### Asas Perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dengan pengubahsuaian tertentu untuk mengambilkira penilaian pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari oleh para pengarah dalam penyata kewangan Syarikat.

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### Asas Penyatuan

Penyata kewangan Kumpulan mengandungi penyata kewangan Syarikat dan kesemua syarikat-syarikat subsidiarinya seperti yang disenaraikan dalam Nota 13 yang telah disediakan hingga akhir tahun kewangan kecuali bagi P.T. AmCapital Indonesia, di mana penyata kewangan telah disediakan sehingga 31 Disember 2005 dengan pelarasan, di mana sesuai, dibuat untuk urusan niaga penting yang berlaku di antara 1 Januari 2006 hingga 31 Mac 2006.

Syarikat menggunakan kedua-dua kaedah gabungan (atau "kaedah pengumpulan kepentingan") dan kaedah pemerolehan untuk menyediakan penyata kewangan disatukan.

Kaedah gabungan digunakan untuk pemindahan syarikat subsidiari-subsidiari menurut skim penyusunan di bawah pelaksanaan penyusunan semula Kumpulan yang dilaksanakan dalam tahun 1992. Kaedah pemerolehan digunakan untuk semua pemerolehan lain.

Di bawah kaedah gabungan, aset, tanggungan dan rizab, pendapatan dan perbelanjaan syarikat-syarikat yang digabungkan, telah digabung dalam satu entiti pada jumlah yang sedia ada.

Di bawah kaedah pemerolehan, keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diambil alih atau dijual sepanjang tahun kewangan telah disertakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dari tarikh efektif pemerolehan atau hingga tarikh efektif penjualan, mana yang berkaitan. Lebihan kos pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari ke atas bahagian aset bersih syarikat-syarikat subsidiari pada tarikh pemerolehan dikira sebagai ihsan berpunca dari penyatuan.

Semua urusan niaga antara Syarikat, baki dan keuntungan belum direalisasi yang terhasil telah dihapuskan semasa penyatuan. Kerugian belum direalisasi hasil daripada urusan niaga dalam kumpulan juga dihapuskan kecuali kos tersebut tidak boleh didapati kembali.

Keuntungan atau kerugian daripada penjualan subsidiari adalah perbezaan antara hasil kutipan jualan bersih dan bahagian Kumpulan ke atas aset bersih subsidiari beserta perbezaan pertukaran wang asing yang tidak dilaporkan sebelum ini dalam penyata pendapatan yang disatukan.

### Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat Subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi keuntungan daripada aktiviti-aktiviti mereka.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari yang dihapuskan apabila disatukan, dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat pada kos atau penilaian para pengarah, dan diturunkan nilai apabila para pengarah menganggap terdapat kerugian kemerosotan nilai selain daripada kemerosotan nilai sementara pelaburan tersebut. Kerugian kemerosotan nilai tersebut dicaj ke dalam penyata pendapatan kecuali apabila ia merupakan kebalikan penilaian semula sebelumnya, yang mana ia akan dikira sebagai pengurangan penilaian semula. Penilaian semula para pengarah dinilai selepas mengambilkira dasar nilai aset ketara bersih syarikat-syarikat subsidiarinya dan lebihan penilaian semula telah dikreditkan ke akaun rizab penilaian semula. Penilaian pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari akan dilaksanakan pada waktu selang kebiasaan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap lima (5) tahun. Para pengarah telah menilai semula pelaburan Syarikat dalam syarikat-syarikat subsidiari dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2002.

Semasa jualan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil jualan bersih dan nilai buku akan dicaj atau dikredit ke penyata pendapatan.

Kepentingan minoriti Kumpulan mewakili bahagian keputusan bersih operasi, atau aset bersih, syarikat-syarikat subsidiari bagi saham-saham dan debentur yang dimiliki, secara langsung atau tidak langsung selain daripada Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiarinya.

### Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang antara 20% hingga 50% dan di mana Kumpulan mempunyai wakil dalam Lembaga Pengarah serta berada dalam kedudukan untuk mempengaruhi pengurusan syarikat berkenaan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos, dan diturunkan nilai apabila para pengarah mendapati terdapat kerugian kemerosotan nilai selain daripada pengurangan nilai sementara pelaburan tersebut. Kerugian kemerosotan nilai dicaj ke dalam penyata pendapatan. Dalam penyata kewangan disatukan, keputusan syarikat-syarikat bersekutu diambil kira di bawah kaedah ekuiti di mana bahagian keuntungan bagi Kumpulan ditolak kerugian daripada syarikat-syarikat bersekutu selepas pemerolehan adalah termasuk di dalam penyata pendapatan disatukan. Kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan dicampur pelarasan-pelarasan bagi mencerminkan perubahan dalam bahagian Kumpulan ke atas aset bersih syarikat-syarikat bersekutu di dalam kunci kira-kira disatukan.

Semasa jualan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil jualan bersih dan nilai buku akan dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### Ihsan/Premium Berpunca Dari Penyatuan

Ihsan berpunca dari penyatuan mewakili lebih harga pembelian ke atas nilai saksama untuk aset bersih yang dikenal pasti bagi syarikat subsidiari pada tarikh pemerolehan.

Ihsan dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kemerosotan. Ihsan secara amnya dilunaskan secara sama rata mengikut anggaran hayat kegunaan dua puluh (20) hingga lima puluh (50) tahun. Polisi pengiktirafan dan pengukuran kerugian kemerosotan nilai adalah berasaskan polisi kemerosotan nilai aset.

Premium ke atas penyatuan hasil daripada pemerolehan syarikat-syarikat bersekutu adalah termasuk dalam nilai buku syarikat-syarikat bersekutu dan mewakili lebih harga pembelian ke atas kepentingan nilai saksama aset bersih syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan yang dikenal pasti pada tarikh pemerolehan. Premium ke atas penyatuan hasil daripada pemerolehan syarikat-syarikat bersekutu dilunaskan dalam dua puluh lima (25) tahun tempoh kegunaan yang dianggarkan.

Bila terdapat tanda-tanda kemerosotan, nilai-nilai buku ihsan akan dikaji dan diturunkan nilai serta merta ke amaun yang boleh didapat kembali.

### Perjanjian Pembelian Balik

Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian penjualan balik adalah sekuriti yang dibeli oleh Kumpulan dan Syarikat dengan komitmen untuk menjual balik pada masa hadapan. Komitmen untuk menjual balik sekuriti tersebut dinyatakan sebagai aset di dalam kunci kira-kira.

Sebaliknya, kewajipan ke atas jualan sekuriti di bawah perjanjian beli balik adalah sekuriti yang dijual oleh Kumpulan dan Syarikat daripada portfolionya, dengan komitmen untuk membeli balik pada masa hadapan bagi tujuan pendanaan. Nilai yang mengiringi sekuriti perjanjian pembelian balik tetap di dalam akaun aset masing-masing, sementara kewajipan membeli balik sekuriti pada harga dipersetujui pada tarikh masa hadapan diambil kira sebagai tanggungan dalam kunci kira-kira.

Sekuriti yang dipinjam tidak diiktirafkan dalam penyata kewangan, hanya kalau ia dijual kepada pihak ketiga dimana pembelian dan jualan direkod sebagai sekuriti dijual tetapi belum dibeli seperti yang dinyatakan dalam tanggungan-tanggungan lain. Kerugian atau keuntungan belum direalisasi diambil kira dalam penyata kewangan.

### Sekuriti

Pegangan portfolio sekuriti Kumpulan adalah diiktiraf berdasarkan kategori dan kaedah penilaian berikut:

#### (i) Sekuriti dipegang untuk jualan

Sekuriti diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan jika ia dimiliki dengan tujuan mendapat faedah daripada perubahan harga sebenar atau jangka pendek atau untuk mengikat keuntungan arbitraj. Sekuriti dipegang untuk jualan akan dinyatakan pada nilai saksama dan keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pertukaran nilai saksama dan sekuriti dipegang untuk jualan yang tidak diiktiraf lagi akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

#### (ii) Sekuriti dipegang hingga matang

Sekuriti dipegang hingga matang adalah aset kewangan dengan pembayaran tetap atau tertentu dan kematangan yang tetap, di mana Kumpulan mempunyai tujuan dan kepercayaan untuk memegang sehingga matang. Saham-saham tidak disebut harga dalam organisasi yang ditubuhkan bagi tujuan sosio-ekonomi dan instrumen ekuiti yang diterima hasil daripada pengstruktur semula pinjaman atau pertukaran pinjaman yang mana tidak mempunyai harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran aktif dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur secara pasti juga diklasifikasikan sebagai sekuriti dipegang hingga matang.

Sekuriti dipegang hingga matang diukur pada pertambahan/pelunasan kos berdasarkan kaedah sela efektif. Pelunasan premium, pertambahan nilai diskaun dan kemerosotan nilai serta keuntungan dan kerugian yang timbul daripada sekuriti dipegang hingga matang yang tidak diiktiraf lagi akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

#### (iii) Sekuriti sedia untuk dijual

Sekuriti sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang tidak diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual atau dipegang hingga matang. Sekuriti sedia untuk dijual diukur pada nilai semasa atau pada kos pelunasan (tolak kerugian kemerosotan nilai) jika nilai saksama tidak boleh diukur. Sebarang keuntungan atau kerugian timbul daripada perubahan nilai saksama diiktiraf secara langsung dalam ekuiti melalui penyata perubahan dalam ekuiti, sehingga aset kewangan dijual, dikumpul, dilupuskan atau dirosot nilai, pada masa di mana keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam ekuiti sebelum ini akan dipindahkan ke penyata pendapatan.

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### Peruntukan Hutang Ragu Dan Pembiayaan

Berdasarkan pada penilaian pihak pengurusan ke atas portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, peruntukan tertentu hutang ragu dan pembiayaan disediakan apabila kemungkinan kutipan tidak dapat ditentukan. Untuk penilaian kemungkinan kutipan, pihak pengurusan menimbangkan beberapa faktor seperti keadaan kewangan peminjam, anjuran aliran wang tunai, pengurusan, kualiti cagaran atau jaminan bagi hutang belum diterima serta keadaan ekonomi semasa dan dijangkakan.

Peruntukan am juga disediakan berasaskan pada peratusan yang ditetapkan bagi pertambahan bersih hutang dan pembiayaan belum diterima. Peratusan ini dikaji setiap tahun berdasarkan pengalaman di masa lampau dan keadaan semasa dan jika perlu, pelarasan dibuat pada peruntukan am keseluruhannya.

Pinjaman atau pembiayaan yang tidak boleh dikutip atau sebahagian daripadanya yang dikelaskan sebagai lapuk adalah dihapuskan selepas mengambilkira nilai realisasi cagaran, jika ada, apabila pihak pengurusan berpendapat tiada peluang untuk bayaran balik.

Polisi peruntukan bagi pinjaman tidak berbayar Kumpulan ialah berasaskan peraturan-peraturan minima BNM dalam "Garis Panduan Klasifikasi Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Substandard, Hutang Lapuk dan Ragu" ("BNM/GP3").

### Penghutang Perniagaan dan Lain-Lain Penghutang

Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang dinyatakan pada nilai buku setelah dikurangkan dengan peruntukan sewajarnya berdasarkan anggaran amaun dianggap tidak dapat bayar balik. Peruntukan hutang ragu dibuat berdasarkan anggaran kemungkinan kerugian yang mungkin timbul akibat daripada sesetengah akaun belum terima yang tidak boleh dikutip.

Bagi syarikat subsidiari saham dan pembrokeran saham, AmSecurities Sdn Bhd, polisi penentuan hutang lapuk dan ragu, penentuan peruntukan tertentu dan klasifikasi faedah tergantung berkenaan dengan akaun-akaun tersebut serta penentuan peruntukan am adalah dibuat berdasarkan Jadual 7, Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad seperti berikut:

- (i) Peruntukan tertentu dibuat ke atas akaun-akaun lapuk dan ragu pada kadar 50% dan 100% masing-masing, tertakluk kepada pengurangan faedah tergantung dan nilai kolateral yang dipegang. Peruntukan am ditetapkan berdasarkan 1% atas jumlah penghutang perniagaan selepas menolak amaun faedah tergantung dan peruntukan tertentu.
- (ii) Pendapatan faedah yang terakru atas akaun-akaun tersebut digantung apabila dianggap tidak berbayar selaras dengan Jadual 7, Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

### Harta-Harta Dirampas

Harta-harta dirampas adalah pemerolehan sepenuh atau separa penjelasan hutang dan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai harta tersebut, jika ada.

### Amaun Belum Terima Di Bawah Urus Niaga Sekuritisasi yang Disokong Aset ("ABS")

Ini adalah berkaitan dengan baki ganjaran pembelian yang boleh didapati balik di bawah urus niaga ABS oleh Badan Tujuan Khas ("SPV"), di mana amaun tersebut akan didapati balik selepas bon yang mendasari matang. Di bawah ABS, portfolio amaun-amaun belum terima dijual kepada SPV yang dibiaya melalui penerbitan bon yang dijamin oleh amaun belum terima.

Apabila tanda kemerosotan nilai wujud, amaun buku untuk amaun boleh didapati balik kembali di bawah urus niaga ABS dinilai dan diturunkan nilai kepada amaun boleh didapati kembali.

Perbezaan antara ganjaran belian dan nilai buku diiktiraf ke dalam penyata pendapatan.

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### Harta, Kelengkapan Dan Susutnilai

Harta dan kelengkapan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai, jika ada. Polisi bagi pengiktirafan dan pengiraan kerugian kemerosotan nilai adalah sejajar dengan polisi kemerosotan nilai aset.

Tiada susutnilai diperuntukkan bagi tanah milik bebas. Tanah pajakan disusutnilai dalam tempoh pajakan atau lima puluh tahun, yang mana lebih rendah. Susutnilai, lain-lain harta dan kelengkapan dikira menggunakan kaedah sama rata pada kadar-kadar berdasarkan anggaran hayat kegunaan masing-masing.

Kadar susutnilai tahunan bagi pelbagai kelas harta dan kelengkapan adalah seperti berikut:

Bangunan milik bebas	2%
Bangunan pegangan pajak	2% atau ke atas terma pajakan jangka pendek
Tanah pajakan jangka panjang	2%
Tanah pajakan jangka pendek	Ke atas terma pajakan
Kenderaan bermotor	20%
Pembaikan pegangan pajak	10% - 33 1/3%
Peralatan komputer dan perisian	20% - 33 1/3%
Kelengkapan pejabat dan kediaman, perabot dan perkakas	10% - 33 1/3%

Pajakan jangka panjang adalah pajakan dengan tempoh 50 tahun dan ke atas. Pajakan jangka pendek adalah pajakan dengan tempoh kurang daripada 50 tahun.

Keuntungan atau kerugian daripada jualan aset ditetapkan sebagai perbezaan di antara anggaran hasil jualan bersih dan nilai buku aset, dan dicaj atau dikredit ke penyata pendapatan.

### Aset Dibeli Di Bawah Pajakan

Aset dibeli di bawah pajakan kewangan di mana terdapat pemindahan manfaat dan risiko pemilikan aset tersebut kepada Kumpulan telah dipermodalkan sebagai harta dan kelengkapan. Aset dan kewajipan pajakan berkenaan telah direkodkan pada nilai sewa minima semasa atau nilai saksama aset pajakan pada tempoh permulaan pajakan, tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai, yang mana lebih rendah.

Semasa mengira nilai sewa minima semasa, faktor diskaun yang diguna adalah kadar faedah terpendam dalam pajakan, jikalau boleh ditetapkan secara praktis, ataupun kadar pinjaman tambahan Kumpulan digunakan.

Pajakan yang tidak memenuhi kriteria tersebut akan dikelaskan sebagai pajakan operasi dan sewa yang berkaitan akan dicaj kepada penyata pendapatan semasa ditanggung.

Apabila pajakan operasi ditamatkan sebelum tamat tempoh pajakan, sebarang bayaran yang mesti dibuat kepada pemberi pajak sebagai penalti dikira sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana penamatan pajakan berlaku.

Pada 31 Mac 2006, Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai aset dibeli di bawah pajakan.

### Kemerosotan Nilai Aset

Nilai buku aset Kumpulan, selain daripada aset kewangan (selain daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu, sekuriti sedia untuk dijual dan sekuriti dipegang hingga matang dan aset cukai tertunda akan dikaji untuk kemerosotan nilai apabila terdapat tanda-tanda aset mungkin dirosotkan. Kemerosotan akan dikira dengan membandingkan nilai buku aset dengan amaun boleh didapati kembali. Amaun boleh didapati kembali adalah nilai realisasi bersih dan nilai yang digunakan, yang mana lebih tinggi, dikira dengan merujuk kepada aliran wang tunai masa hadapan yang didiskaunkan, jika digunakan. Amaun boleh didapati kembali dianggarkan untuk setiap aset atau, jika tidak munasabah, untuk unit yang menghasilkan wang tunai.

Kerugian kemerosotan nilai akan dicajkan ke penyata pendapatan dengan serta merta, kecuali aset tersebut direkodkan pada amaun penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dianggap sebagai penurunan penilaian semula setakat lebihan penilaian semula aset yang sama yang diiktiraf sebelum itu.

Peningkatan selanjutnya dalam amaun boleh didapati kembali untuk sesuatu aset akan diambil kira sebagai kebalikan bagi kemerosotan nilai sebelum ini dan akan diiktiraf setakat nilai buku aset tersebut yang sudah ditentukan (selepas pelunasan dan susutnilai) sekiranya kerugian kemerosotan nilai tidak diiktiraf. Kebalikan berkenaan akan direkodkan dalam penyata pendapatan serta merta, kecuali aset tersebut direkodkan pada amaun penilaian semula. Kebalikan kerugian kemerosotan nilai ke atas aset yang dinilai semula akan dikreditkan terus ke lebihan penilaian. Walau bagaimanapun, setakat kerugian kemerosotan nilai ke atas aset yang sama yang dicajkan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sebelum ini, kebalikan untuk kerugian kemerosotan nilai tersebut akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan.



## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### Bil Dan Penerimaan Belum Bayar

Bil dan penerimaan belum bayar merupakan bil dan penerimaan sendiri syarikat perbankan saudagar dan perbankan komersil yang didiskaunkan semula dan belum dijelaskan di pasaran.

### Tanggungan

Pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang adalah dinyatakan pada kos, iaitu nilai saksama nilai yang akan dibayar di masa hadapan untuk perkhidmatan yang diterima.

Bagi syarikat subsidiari pembrokeran stok dan saham, pemiutang perniagaan merupakan keuntungan kontra ke pelanggan bukan bermargin dan kontrak jualan syarikat yang belum dijelaskan bagi pihak pelanggan dihutang dimana penjelasan bayaran belum dibuat. Tempoh kredit bagi menyelesaikan bayaran syarikat ialah 3 hari pasaran berdasarkan kepada peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad. Pelanggan dan wang amanah merupakan wang yang masih terhutang kepada pihak pelanggan yang dikekalkan dalam akaun agregat Syarikat.

Deposit daripada pelanggan dinyatakan pada nilai penempatan. Deposit dan penempatan dengan bank-bank dan lain-lain institusi kewangan dinyatakan pada nilai penempatan.

### Dana Insuran Am

Dana insurans am mewakili rizab untuk risiko belum matang dikira menggunakan kaedah 1/24th ke atas premium kasar ditolak insurans semula. Dalam mengenal pasti risiko belum matang pada tarikh kunci kira-kira, kaedah yang paling tepat menggambarkan risiko belum matang sebenar yang digunakan adalah seperti berikut:

- (i) Kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- (ii) Kaedah 1/24 untuk lain-lain kelas polisi-polisi Malaysia, dikurangkan oleh peratusan sepadan komisen kasar perniagaan terus dan perbelanjaan agensi berkaitan yang tidak melebihi batas yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia seperti berikut:

Motor	10%
Kebakaran, kejuruteraan, penerbangan dan badan marin kapal	15%
Perubatan dan kesihatan	
- Individu bersendirian	15%
- Tiga sekumpulan atau lebih	10%
Pampasan para pekerja dan tanggungan majikan	
- Pekerja asing	10%
- Lain-lain	25%
Lain-lain kelas	10% - 25%

- (iii) Kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan perjanjian masuk/ luar negara dengan pemotongan 20% untuk komisen; dan
- (iv) Polisi bukan tahunan dibahagi mengikut masa ke atas tempah risiko.

### Dana Insurans Nyawa

Dana insurans nyawa adalah berdasarkan keputusan tahunan penilaian aktuari ke atas tanggungan jangka panjang kepada pemegang polisi, dibuat mengikut peruntukan Akta Insurans, 1996 oleh aktuari Kumpulan yang dilantik. Sebarang defisit yang timbul daripada penilaian aktuari boleh didapat kembali daripada dana pemegang saham. Penilaian terkini telah dibuat sehingga 31 Mac 2006 dan keputusannya telah dinyatakan sewajarnya.

### Peruntukan Bagi Tuntutan

Bagi tuntutan-tuntutan insurans am, peruntukan dibuat bagi anggaran kos semua tuntutan serta perbelanjaan berkaitan, tolak amaun boleh didapat kembali daripada insurans semula, untuk tuntutan dibuat tetapi belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira menggunakan kaedah berdasarkan kes. Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan termasuk perbelanjaan berkaitan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan sehingga selepas tarikh kunci kira-kira berdasarkan anggaran aktuari oleh aktuari bebas yang layak, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik.

Bagi tuntutan-tuntutan insurans nyawa, peruntukan dibuat bagi anggaran kos semua tuntutan serta perbelanjaan berkaitan, tolak amaun boleh didapat kembali daripada insurans semula, untuk tuntutan dibuat dan/atau apabila kejadian peristiwa yang boleh dituntut berlaku tetapi belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira, menggunakan kaedah berdasarkan kes tersebut.

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### Rizab Persamaan Keuntungan (“PER”)

PER adalah mekanisme untuk mengurangkan turun naik dalam kadar keuntungan belum bayar kepada pendeposit di bawah perniagaan perbankan Islam. Ia diperuntukkan berdasarkan Rangka Kerja Kadar Pulangan yang diterbitkan oleh BNM. Akaun bagi PER adalah diagihkan daripada dan dimasukkan kira semula dalam jumlah pendapatan kasar Perbankan Islam. PER dinyatakan bawah “lain-lain tanggungan” Kumpulan.

### Lain-Lain Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila kemungkinan aliran sumber yang merangkumi manfaat ekonomi diperlukan bagi menyelesaikan tanggungan semasa akibat daripada peristiwa lampau dan anggaran yang munasabah boleh dibuat untuk amaun tersebut.

### Bon Bersubordinat, Boleh Tebus Dan Tidak Bercagar

Ini merupakan hutang jangka panjang dengan baki tempoh matang yang melebihi satu tahun. Hasil terbitan diiktiraf pada kos dan digunakan untuk memberi pinjaman berjangka tidak bercagar kepada bank komersil berlesen yang berkaitan bagi tujuan pembiayaan semula modal. Faedah yang bertanggung diiktiraf mengikut kaedah sama rata akruan.

### Stok Pinjaman Menanggung Faedah Tidak Boleh Tebus, Tidak Bercagar Dan Boleh Diubah (ICULS)

ICULS dianggap sebagai instrumen ekuiti dan keseluruhan hasil terbitan dinyatakan sebagai ekuiti. Faedah diakru pada kaedah sama rata dan diiktiraf sebagai ekuiti.

### Instrumen Ekuiti

Saham biasa adalah dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa adalah diiktiraf dalam penyata ekuiti dalam tahun di mana dividen tersebut diisytiharkan.

Kos transaksi ekuiti diambilkira sebagai pengurangan daripada ekuiti, selepas ditolak pencukaian. Kos transaksi ekuiti hanya terdiri daripada pertambahan kos luaran yang berhubung secara langsung kepada transaksi ekuiti yang sebaliknya mungkin dielakkan.

### Peruntukan Penglibatan Dan Tanggungan Luar Jangka

Berdasarkan pada penilaian pihak pengurusan ke atas jaminan diberi bagi pihak pelanggan, peruntukan tertentu bagi penglibatan dan tanggungan luar jangka dibuat apabila panggilan atau potensi tanggungan berlaku dan terdapat kekurangan dalam nilai cagaran untuk menyokong jaminan tersebut.

### Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam kunci kira-kira apabila kumpulan menjadi sebahagian daripada peruntukan perjanjian instrumen berkenaan.

Instrumen kewangan adalah dikelaskan sebagai tanggungan atau ekuiti mengikut isi kandungan penyusunan berkontrak. Faedah, dividen dan keuntungan dan kerugian yang berkait dengan instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai tanggungan, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai ekuiti akan dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan akan diimbangi apabila Kumpulan mempunyai hak perundangan yang berkuat kuasa untuk mengimbangi dan mempunyai rancangan untuk penyelesaian secara bersih atau untuk merealisasi aset dan menyelesaikan tanggungan secara serentak.

### Instrumen Kewangan Derivatif dan Perakaunan Lindungan Nilai

Instrumen kewangan derivatif diukur pada nilai saksama dan dinyatakan sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan sebagai tanggungan apabila nilai saksama negatif. Sebarang keuntungan atau kerugian timbul daripada perubahan dalam nilai saksama instrumen derivatif diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ianya sebahagian daripada perhubungan lindung nilai yang layak menggunakan perakaunan lindung nilai di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf seperti berikut:

(i) Lindung nilai saksama

Di mana instrumen derivatif kewangan melindungi nilai perubahan dalam nilai saksama aset atau tanggungan yang diiktiraf, sebarang keuntungan atau kerugian atau instrumen lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Butiran yang dilindung nilai juga dinyatakan pada nilai saksama bagi risiko yang dilindung nilai dengan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Lindung nilai aliran tunai

Keuntungan dan kerugian bagi instrumen lindung nilai, ke tahap di mana lindung nilai adalah efektif, adalah ditunda dalam komponen ekuiti yang berlainan. Sebarang keuntungan atau kerugian dari bahagian yang tidak efektif diiktiraf dalam penyata pendapatan. Keuntungan dan kerugian tertunda adalah dilepaskan kepada penyata pendapatan bagi tempoh di mana butiran lindung nilai mempengaruhi penyata pendapatan.

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### Perjanjian Jual Dan Beli Balik

Ini adalah tanggungjawab Kumpulan untuk menunaikan tanggungannya untuk membeli semula Sekuriti Islam tertentu pada tempoh matang. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf semasa jualan dan dinyatakan sebagai keuntungan atau kerugian perniagaan daripada sekuriti dipegang untuk jualan.

### Pendapatan Operasi

Pendapatan operasi Kumpulan merangkumi semua kelas pendapatan daripada perbankan pelaburan dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan tetapi selepas semua urusan niaga syarikat-syarikat berkaitan dihapuskan.

Pendapatan operasi Syarikat merangkumi pendapatan faedah dan lain-lain pendapatan operasi.

### Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan Faedah dan Pembiayaan

Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan bagi aset yang menanggung faedah berdasarkan kaedah akruan. Pendapatan faedah termasuk pelunasan premium atau kenaikan diskaun. Pendapatan faedah dan pembiayaan atas sekuriti dikira berdasarkan hasil efektif.

Kumpulan menggunakan perakaunan kaedah pembiayaan faedah dan untuk pendapatan dari kegiatan pajakan. Mengikut kaedah pembiayaan, lebihan agregat sewa ke atas kos harta pajakan (dikurangkan dengan anggaran nilai baki pada akhir pajakan), dikira sebagai pendapatan selama tempoh pajakan dan jumlahnya berkurangan setara dengan susutan baki jumlah belum diperolehi menggunakan kaedah "jumlah angka".

Pendapatan pembiayaan dan faedah atas overdraf, pinjaman jangka panjang dan pinjaman perumahan dihitung berdasarkan akruan dengan merujuk kepada tempoh masa seperti yang tercatat dalam perjanjian pinjaman. Pendapatan faedah dan pembiayaan dari pembiayaan sewa beli dan pendiskaunan blok Kumpulan dikira mengikut kaedah "jumlah angka".

Apabila pinjaman menjadi tidak berbayar, faedah terakru dan diiktiraf sebagai pendapatan sebelum tarikh pinjaman diklasifikasikan sebagai tidak berbayar mestilah dikeluarkan daripada pendapatan dan diimbangi dengan faedah belum terima terakru dalam kunci kira-kira. Selepas itu, faedah terakru atas pinjaman tidak berbayar mestilah diiktiraf sebagai pendapatan pada asas tunai.

Akaun dianggap tidak berbayar jika pembayaran balik adalah tertunggak lebih daripada tiga bulan dan selepas tarikh kematangan bagi bil perdagangan, penerimaan jurubank dan penerimaan amanah.

Polisi Kumpulan bagi pengiktirafan pendapatan faedah atas pinjaman dan pendahuluan adalah selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia bagi Klasifikasi Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Ragu dan Pelarasan BNM/GP8.

Perbelanjaan faedah dan pendapatan ke atas deposit dan pinjaman (berhubung dengan aktiviti-aktiviti perniagaan Perbankan Islam) Kumpulan dan Syarikat diakru mengikut kaedah sama rata manakala caj kewangan blok diskaun diakru menggunakan kaedah "sum-of-digit".

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### Pengiktirafan Pendapatan Yuran dan Lain-lain Pendapatan

Yuran mengatur pinjaman, pengurusan dan penyertaan, komisen penerimaan dan pemfaktoran, komisen tata jamin diiktiraf sebagai pendapatan setelah perjanjian ditandatangani.

Yuran khidmat nasihat dan kegiatan kewangan korporat diiktiraf sebagai pendapatan setelah selesai setiap peringkat urusan.

Yuran pengurusan aset, harta tanah dan unit amanah, agensi dan yuran penglibatan diiktiraf sebagai pendapatan mengikut pembahagian masa.

Pendapatan daripada jualan unit-unit amanah diiktiraf selepas peruntukan unit-unit, nilai selepas menolak kos jualan unit-unit. Semasa jualan pelaburan, perbezaan diantara hasil kutipan jualan bersih dan nilai buku akan diambil kira dalam penyata pendapatan.

Yuran jaminan diiktiraf sebagai pendapatan apabila jaminan dikeluarkan dan, di mana jangkamasa jaminan melebihi setahun, sepanjang tempoh jaminan.

Sewa kelengkapan dan harta diiktiraf berdasarkan akruan.

Dividen dari sekuriti diiktiraf bila diterima. Dividen dari syarikat –syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf bila hak untuk menerima bayaran ditentukan.

Pendapatan premium dari insurans am diiktiraf dalam tempoh kewangan berkenaan dengan risiko ditanggung dalam tempoh kewangan tersebut. Perjanjian masuk insurans semula diiktiraf atas dasar nasihat berkala yang diterima dari syarikat insurans yang menyerlahkan.

Pendapatan premium dari perniagaan insurans nyawa diiktiraf sebaik sahaja amaun premium boleh diukur dengan munasabah. Pendapatan premium pertama diiktiraf dari tarikh diwujudkan dan pendapatan premium berikutnya diiktiraf pada tarikh perlu dibayar. Premium belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira diiktiraf sebagai pendapatan dengan syarat premium tersebut masih berada dalam jangkamasa yang dibenarkan untuk pembayaran.

Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan kaedah akruan apabila ia matang.

### Ganjaran Pekerja

#### (i) Ganjaran jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan ganjaran-ganjaran bukan kewangan telah diakru dalam tempoh dalam mana perkhidmatan tersebut dilakukan oleh para pekerja Kumpulan.

#### (ii) Pelan Caruman Yang Ditetapkan

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim persaraan negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila ditanggung. Apabila caruman tersebut dijelaskan, Kumpulan tidak lagi mempunyai tanggungjawab pembayaran.

### Cukai Pendapatan

Cukai atas keuntungan atau kerugian untuk tahun kewangan terdiri daripada pencukaian semasa dan tertunda. Pencukaian diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ia berkenaan dengan butiran yang diiktiraf terus dalam ekuiti, yang mana pencukaian akan diiktiraf dalam ekuiti.

Pencukaian semasa ditentukan mengikut bidang kuasa undang-undang pencukaian di mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan bercukai.

Cukai tertunda dibuat, mengikut kaedah tanggungan, atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas pencukaian bagi aset dan tanggungan dan nilai buku di dalam penyata kewangan. Secara prinsip, tanggungan cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh diberi potongan cukai dan kerugian yang belum digunakan sehingga kemungkinan keuntungan bercukai akan wujud untuk digunakan ke atas perbezaan sementara yang boleh ditolak dan kerugian pencukaian yang belum digunakan. Perbezaan sementara tidak diiktiraf bagi ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan permulaan aset dan tanggungan yang pada masa transaksi, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan ataupun pencukaian. Jumlah cukai tertunda dibuat berdasarkan cara realisasi dijangka akan berlaku atau penjelasan nilai buku aset dan tanggungan, mengikut kadar cukai yang telah diwartakan atau sebahagian besarnya telah diwartakan pada tarikh kunci kira-kira.

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### Pertukaran Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga berkenaan atau, sekiranya tertakluk di bawah perjanjian pertukaran mata wang asing, pada kadar dalam perjanjian. Sekiranya penyelesaian belum dibuat pada tarikh kunci kira-kira, perterjemahan kepada Ringgit Malaysia adalah pada kadar pertukaran paling hampir pada tarikh itu atau pada kadar dalam perjanjian. Semua keuntungan atau kerugian pertukaran mata wang diambil kira dalam penyata pendapatan.

Untuk tujuan penyatuan, aset dan tanggungan syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu yang dinyatakan dalam mata wang asing, diterjemah kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira manakala penyata pendapatan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran purata bagi tahun tersebut. Keuntungan atau kerugian timbul daripada perterjemahan kepada Ringgit Malaysia diambil kira dalam rizab perubahan pertukaran mata wang. Kerugian perterjemahan mata wang yang melebihi amaun dalam rizab perubahan pertukaran mata wang asing jika ada, akan diambil kira dalam penyata pendapatan.

Kadar pertukaran prinsipal untuk setiap unit mata wang asing pada tarikh kunci kira-kira untuk tujuan penterjemahan adalah seperti berikut:

	31.03.2006	31.03.2005
Dolar Singapura (SGD)	2.28	2.30
Dolar Amerika (USD)	3.68	3.80
Rupiah Indonesia (IDR)	0.0004	0.0004
Dolar Hong Kong (HKD)	0.47	0.49

Ihsan dan pelarasan nilai saksama yang timbul dari pemerolehan entiti luar negeri akan dianggap sebagai aset dan tanggungan entiti luar negeri dan diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira.

### Penyata Aliran Wang Tunai

Kumpulan dan Syarikat menggunakan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran wang tunai.

### Wang Tunai Dan Kesamaan Wang Tunai

Untuk tujuan penyata aliran wang tunai, wang tunai dan kesamaan wang tunai meliputi wang tunai dan dana jangka pendek, ditolak overdraf bank.

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### 4. WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	2006		2005	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Wang tunai dan baki bank	240,370	427	348,264	866
Wang panggilan dan deposit matang dalam tempoh sebulan:				
Bank berlesen:				
Subsidiari	-	19,532	-	86,368
Lain-lain	1,157,138	-	3,607,323	-
Bank saudagar berlesen:				
Subsidiari	-	-	-	3,117
Lain-lain	30,000	-	-	-
Syarikat kewangan berlesen:				
Subsidiari	-	-	-	331
Lain-lain	-	-	6,084	-
Bank Negara Malaysia	7,940,600	-	3,624,100	-
Lain-lain institusi kewangan	87,154	-	192,331	-
	<b>9,455,262</b>	<b>19,959</b>	<b>7,778,102</b>	<b>90,682</b>

Termasuk di atas adalah pembiayaan antara bank berjumlah RM9,184,981,000 (RM6,965,020,000 pada 2005) bagi Kumpulan.

Pada 31 Mac 2006, kedudukan pinjaman dan pembiayaan antara bank bersih bagi Kumpulan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Pembiayaan antara bank:		
Wang tunai dan dana jangka pendek	9,184,981	6,965,020
Deposit dengan institusi-institusi kewangan (Nota 6)	747,593	771,300
	<b>9,932,574</b>	<b>7,736,320</b>
Pinjaman antara bank (Nota 18)	(895,590)	(157,700)
Pembiayaan antara bank – bersih	<b>9,036,984</b>	<b>7,578,620</b>

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### 5. PEMBELIAN SEKURITI BAWAH PERJANJIAN JUAL-BALIK

	2006		2005	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Bank berlesen:				
Subsidiari	-	78,050	-	31,950
Lain-lain	719,590	-	147,520	-
	<b>719,590</b>	<b>78,050</b>	147,520	31,950

### 6. DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN BANK DAN LAIN-LAIN INSTITUSI KEWANGAN

	2006		2005	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Bank berlesen:				
Subsidiari	-	7,943	-	8,164
Lain-lain	615,487	-	47,405	-
Bank saudagar berlesen:				
Subsidiari	-	29,158	-	18,465
Lain-lain	-	-	45,000	-
Lain-lain syarikat kewangan berlesen	-	-	1,841	-
Bank Negara Malaysia	26,713	-	448,600	-
Lain-lain institusi kewangan	110,493	-	238,706	-
	<b>752,693</b>	<b>37,101</b>	781,552	26,629

Deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi kewangan akan matang dalam tempoh setahun.

Deposit dengan institusi-institusi kewangan berjumlah RM203,000 (RM198,000 pada 2005) bagi Kumpulan telah dicagarkan kepada bank untuk kemudahan perbankan yang ditawarkan kepada syarikat-syarikat subsidiari.

Termasuk di atas adalah pembiayaan antara bank berjumlah RM747,593,000 (RM771,300,000 pada 2005) bagi Kumpulan.

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### 7. SEKURITI DIPEGANG UNTUK JUALAN

	2006		2005	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<b>Pada Nilai Saksama</b>				
<b>Sekuriti Pasaran Wang:</b>				
Bil perbendaharaan	34,282	-	-	-
Bil perbendaharaan Islam	48,541	-	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,349,901	-	568,082	-
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	147,063	-	158,860	-
Bon Cagamas	273,869	-	264,837	-
Bon Khazanah	912	-	262,489	-
Bon pembawa Cagamas Mudharabah	264,207	-	-	-
Bil Bank Negara Malaysia	5,143	-	-	-
Bil Islam Bank Negara Malaysia	2,491	-	56,323	-
Instrumen deposit boleh niaga	574,417	150,197	323,465	150,233
Sukuk Bank Negara Malaysia	95,798	-	-	-
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga	296,124	-	657,360	-
	<b>3,092,748</b>	<b>150,197</b>	<b>2,291,416</b>	<b>150,233</b>
<b>Sekuriti Disebut Harga:</b>				
Di Malaysia:				
Saham	242,939	-	229,444	-
Bon Korporat	20,927	-	22,272	-
Unit amanah	193,409	-	13,123	-
Stok pinjaman	-	-	1,613	-
Di luar Malaysia:				
Saham	110	-	67	-
	<b>457,385</b>	<b>-</b>	<b>266,519</b>	<b>-</b>
<b>Sekuriti Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan:</b>				
Di Malaysia:				
Saham	2,200	-	4,321	-
Unit amanah	159,602	-	39,792	-
Di luar Malaysia:				
Unit amanah	1,996	-	-	-
	<b>163,798</b>	<b>-</b>	<b>44,113</b>	<b>-</b>
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Dijamin Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan Di Malaysia:</b>				
Bon Korporat	67,701	-	68,564	-
Nota korporat Islam	10,379	-	36,872	-
	<b>78,080</b>	<b>-</b>	<b>105,436</b>	<b>-</b>



## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

	2006		2005	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan Di Malaysia:</b>				
Saham	178,763	-	-	-
Nota korporat	38,420	-	442,638	-
Bon korporat	665,062	20,000	72,911	-
Nota korporat Islam	117,809	-	-	-
Bon korporat Islam	1,305,975	-	613,174	-
	<b>2,306,029</b>	<b>20,000</b>	1,128,723	-
Jumlah	<b>6,098,040</b>	<b>170,197</b>	3,836,207	150,233

Sekuriti pasaran wang tertentu yang dipegang telah dijual bawah perjanjian beli balik bagi tujuan pendanaan. Nilai buku sekuriti tersebut didasari dalam perjanjian beli balik tidak dikeluarkan daripada akaun aset masing-masing, sementara kewajipan membeli-balik sekuriti pada harga dipersetujui dan pada tarikh masa depan tertentu diambil kira sebagai tanggungan seperti dinyatakan di dalam Nota 19.

## 8. SEKURITI SEDIA UNTUK DIJUAL

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Pada Nilai Saksama</b>		
<b>Sekuriti Pasaran Wang:</b>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	50,394	340,707
Bon Cagamas	24,714	24,716
Bon Khazanah	10,138	9,776
Instrumen deposit boleh niaga	69,340	31,896
	<b>154,586</b>	407,095
<b>Sekuriti Disebut Harga:</b>		
Di Malaysia:		
Bon Korporat	18,576	18,052
Di luar Malaysia:		
Saham	8,907	3,937
	<b>27,483</b>	21,989
<b>Sekuriti Tidak Disebut Harga Di Malaysia:</b>		
Unit amanah	3,773	3,894
<b>Sekuriti Pertukaran Hutang Ekuiti Disebut harga Di Malaysia:</b>		
Saham	248,502	102,360
Saham – dengan opsyen	19,822	93,898
Stok pinjaman – bersandar	1,064	-
Bon korporat	648	2,550
	<b>270,036</b>	198,808

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Pertukaran Hutang Ekuiti Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan:</b>		
Di Malaysia:		
Saham	-	359
Di luar Malaysia:		
Saham	-	300
	-	659
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan Di Malaysia:</b>		
Bon korporat	337,567	199,819
Bon korporat Islam	217,183	-
Nota korporat Islam	18,729	-
	573,479	199,819
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Dijamin Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan Di Malaysia:</b>		
Bon korporat	574,248	655,214
Jumlah	1,603,605	1,487,478

Sekuriti ekuiti disebut harga dalam Malaysia yang diterima oleh Kumpulan hasil daripada pertukaran pinjaman termasuk pelaburan dengan nilai buku RM162,615,000 (RM20,304,000 pada 2005) dimana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti antara 20% - 50% tetapi keputusan tidak diambil secara ekuiti kerana Kumpulan tidak mempunyai pengaruh penting dalam syarikat-syarikat tersebut dan sekuriti-sekuriti tersebut dipegang dengan tujuan utama untuk jualan.

## 9. SEKURITI DIPEGANG HINGGA MATANG

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Pada Kos Pelunasan</b>		
<b>Sekuriti Pasaran Wang:</b>		
Bil perbendaharaan	-	28,804
<b>Sekuriti Disebut Harga:</b>		
Di Malaysia:		
Saham	99	499
Bon korporat	55,247	57,000
Di luar Malaysia:		
Saham	-	419
Bon korporat	-	19,000
	55,346	76,918

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Sekuriti Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan:</b>		
Di Malaysia:		
Saham	103,036	103,036
Bon korporat	959	959
Di luar Malaysia:		
Saham	8,706	11,970
	<b>112,701</b>	<b>115,965</b>
<b>Sekuriti Pertukaran Hutang Ekuiti Disebut Harga:</b>		
Di Malaysia:		
Saham	8,201	11,334
Stok pinjaman – bersandar	971	80,471
Stok pinjaman – dengan opsyen	956,783	589,582
Di luar Malaysia:		
Saham – dengan opsyen	15	15
	<b>965,970</b>	<b>681,402</b>
<b>Sekuriti Pertukaran Hutang Ekuiti Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan:</b>		
Saham	122,870	107,528
Stok pinjaman	804,744	818,216
Bon korporat	621,435	741,116
	<b>1,549,049</b>	<b>1,666,860</b>
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan:</b>		
Di Malaysia:		
Bon korporat	-	40,584
Saham	21,220	-
Bon dan nota korporat dinyatakan dalam USD	68,674	86,813
Bon korporat Islam	196,703	-
Di luar Malaysia:		
Bon dan nota korporat dinyatakan dalam USD	110,493	114,000
	<b>397,090</b>	<b>241,397</b>
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Dijamin Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan Di Malaysia:</b>		
Bon korporat	82,729	-
	<b>3,162,885</b>	<b>2,811,346</b>
Kerugian kemerosotan nilai terkumpul	(449,844)	(521,496)
Jumlah	<b>2,713,041</b>	<b>2,289,850</b>

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Nilai Pasaran/Indikatif</b>		
<b>Sekuriti Pasaran Wang:</b>		
Bil perbendaharaan	-	28,785
<b>Sekuriti Disebut Harga:</b>		
Di Malaysia:		
Saham	32	63
Bon korporat	56,077	57,599
Di luar Malaysia:		
Saham	-	419
Bon korporat	-	4,560
<b>Sekuriti Pertukaran Hutang Ekuiti Di Malaysia:</b>		
Saham	4,176	6,030
Stok pinjaman – bersandar	971	45,076
Stok pinjaman – dengan opsyen	701,342	464,882
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan Di Malaysia:</b>		
Bon korporat	-	40,584
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Dijamin Tidak Disebut Harga Dalam Syarikat-Syarikat Diperbadankan Di Malaysia:</b>		
Bon korporat	82,692	-

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### 10. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Pinjaman dan pembiayaan:		
Pinjaman berjangka dan kredit pusingan	13,468,701	13,877,951
Pinjaman perumahan	9,791,514	7,983,127
Pinjaman kakitangan	181,641	174,896
Sewa beli belum diterima	23,110,318	19,489,344
Kad kredit belum terima	2,138,331	1,933,644
Pajakan belum diterima	1,316,480	1,351,066
Overdraf	1,031,079	833,066
Tuntutan terhadap pelanggan di bawah kredit penerimaan	1,250,752	812,888
Penerimaan amanah	200,702	211,647
Blok diskaun belum diterima	64,575	58,856
Penfaktoran belum diterima	32,887	37,800
Bil belum diterima	6,878	10,635
	<b>52,593,858</b>	46,774,920
Tolak: Faedah dan pendapatan belum diperolehi	5,478,909	4,230,492
Jumlah	<b>47,114,949</b>	42,544,428
Tolak:		
Peruntukan hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan:		
Am	721,817	629,784
Tertentu	1,532,664	1,815,088
	<b>2,254,481</b>	2,444,872
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih	<b>44,860,468</b>	40,099,556

Tuntutan terhadap pelanggan di bawah kredit penerimaan merupakan penerimaan sendiri diwujudkan dan didiskaunkan oleh syarikat-syarikat subsidiari perbankan saudagar dan komersil. Penerimaan sendiri didiskaunkan dan dipegang oleh Kumpulan pada 31 Mac 2006 berjumlah RM909,620,000 (RM255,130,000 pada 2005).

Struktur kematangan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Matang dalam tempoh setahun	12,327,220	15,555,448
Satu hingga tiga tahun	12,419,042	9,328,375
Tiga hingga lima tahun	8,410,936	6,248,090
Lebih lima tahun	13,957,751	11,412,515
	<b>47,114,949</b>	42,544,428

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

Analisis pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut tujuan ekonomi adalah seperti berikut:

	Kumpulan		2005 RM'000	Pertumbuhan Pinjaman %
	2006 RM'000	%		
Pembelian kenderaan pengangkutan	20,164,829	40.9	16,170,099	37.2
Pembelian harta tanah:				
(a) Perumahan	9,692,628	19.7	8,142,728	18.7
(b) Bukan perumahan	1,531,182	3.1	1,635,181	3.8
Pembinaan	3,506,627	7.1	3,549,119	8.2
Kredit penggunaan	3,495,372	7.1	2,933,551	6.7
Perkilangan	2,545,765	5.2	2,110,381	4.9
Perdagangan am	2,422,893	4.9	1,899,178	4.4
Pembelian sekuriti	1,567,432	3.2	1,813,347	4.2
Hartanah	882,865	1.8	1,011,965	2.3
Pengangkutan, pergudangan dan komunikasi	793,430	1.6	681,563	1.6
Pertanian	740,287	1.5	791,801	1.8
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	700,043	1.4	914,270	2.1
Komuniti, sosial dan perkhidmatan persendirian	414,389	0.8	364,843	0.8
Pegangan pelaburan	375,863	0.8	782,084	1.8
Elektrik, gas dan air	239,475	0.5	525,179	1.2
Perlombongan dan kuari	39,018	0.1	38,977	0.1
Lain-lain	208,678	0.3	108,820	0.2
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	49,320,776	100.0	43,473,086	100.0
Tolak: Pembiayaan dijual kepada Cagamas Berhad	2,205,827		928,658	
	<b>47,114,949</b>		<b>42,544,428</b>	<b>10.7%</b>

Analisis pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut golongan pelanggan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Domestik:		
Lain-lain institusi kewangan bukan bank:		
Syarikat-syarikat pembrokeran saham	-	47,220
Lain-lain	453,199	269,194
Perusahaan perniagaan:		
Perusahaan kecil dan sederhana	4,738,220	3,382,052
Lain-lain	9,294,073	11,093,104
Kerajaan dan badan berkanun	105,809	60,248
Individu	32,009,995	27,139,489
Lain-lain entiti domestik	346,711	363,665
Entiti asing	166,942	189,456
	<b>47,114,949</b>	<b>42,544,428</b>

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

Analisis pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut kadar faedah sensitiviti adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Kadar berubah:		
BLR tokok	12,873,455	12,183,016
Kos tokok	4,435,782	4,461,582
Kadar berubah lain	736,388	1,850,187
	<b>18,045,625</b>	<b>18,494,785</b>
Kadar tetap:		
Pinjaman perumahan	3,069,126	1,504,500
Sewa beli belum terima	19,976,247	17,200,994
Kadar tetap lain	6,023,951	5,344,149
	<b>29,069,324</b>	<b>24,049,643</b>
	<b>47,114,949</b>	<b>42,544,428</b>

Pergerakan akaun pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tidak berbayar adalah seperti berikut:-

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Kasar		
Baki pada awal tahun	7,597,662	8,797,360
Tidak berbayar bagi tahun	2,381,238	1,046,204
Reklasifikasi kepada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan berbayar	(2,016,743)	(939,782)
Jumlah dihapus kira	(1,235,771)	(479,527)
Bayaran balik	(580,814)	(708,873)
Pertukaran hutang ekuiti	(7,088)	(117,720)
Pelarasan perubahan pertukaran mata wang	(1,789)	-
Baki pada akhir tahun	<b>6,136,695</b>	<b>7,597,662</b>
Tolak: Peruntukan tertentu	<b>(1,532,664)</b>	<b>(1,815,088)</b>
Pinjaman dan pembiayaan tidak berbayar - bersih	<b>4,604,031</b>	<b>5,782,574</b>
Nisbah pinjaman dan pembiayaan tidak berbayar kepada jumlah pinjaman pendahuluan dan pembiayaan - bersih	<b>9.6%</b>	<b>13.8%</b>

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

Analisis pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tidak berbayar mengikut tujuan ekonomi adalah seperti berikut:

	Kumpulan			
	2006		2005	
	RM'000	%	RM'000	%
Pembelian harta tanah:				
(a) Perumahan	1,385,295	22.6	1,415,234	18.6
(b) Bukan perumahan	614,476	10.0	702,784	9.3
Pembinaan	1,273,222	20.7	1,332,735	17.5
Pembelian kenderaan pengangkutan	860,889	14.0	916,373	12.1
Pembelian sekuriti	416,520	6.8	740,716	9.7
Perkilangan	414,098	6.7	529,269	7.0
Hartanah	237,008	3.9	570,084	7.5
Kredit penggunaan	215,615	3.5	192,181	2.5
Perdagangan am	184,490	3.0	369,479	4.9
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	155,681	2.5	253,331	3.3
Elektrik, gas dan air	109,959	1.8	177,523	2.3
Pertanian	75,551	1.2	52,665	0.7
Komuniti, sosial dan perkhidmatan persendirian	65,978	1.1	95,877	1.3
Pegangan pelaburan	48,504	0.8	87,623	1.2
Pengangkutan, pergudangan dan komunikasi	41,200	0.7	125,452	1.7
Perlombongan dan kuari	11,497	0.2	14,987	0.2
Lain-lain	26,712	0.5	21,349	0.2
	<b>6,136,695</b>	<b>100.0</b>	<b>7,597,662</b>	<b>100.0</b>

Pergerakan dalam akaun-akaun peruntukan hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Peruntukan Am</b>		
Baki pada awal tahun	629,784	601,279
Peruntukan bagi tahun	92,171	28,505
Pelarasan perubahan pertukaran mata wang	(138)	-
Baki pada akhir tahun	<b>721,817</b>	629,784
Sebagai peratusan jumlah pinjaman tolak peruntukan tertentu	<b>1.51%</b>	1.51%
<b>Peruntukan Tertentu</b>		
Baki pada awal tahun	1,815,088	1,780,316
Peruntukan bagi tahun	1,422,770	1,406,327
Masuk kira semula bayaran balik dan kebalikan	(470,856)	(373,448)
Caj bersih ke penyata pendapatan	951,914	1,032,879
Reklasifikasi daripada pelbagai penerimaan	17,372	40,641
Jumlah dihapuskan	(1,246,663)	(1,058,371)
Pertukaran hutang ekuiti	(3,251)	(4,660)
Pelarasan ke akaun aset tertunda	(1,594)	24,283
Pelarasan perubahan pertukaran mata wang	(202)	-
Baki pada akhir tahun	<b>1,532,664</b>	1,815,088



## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

### 11. LAIN-LAIN ASET

	2006		2005	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Penghutang perniagaan, selepas peruntukan hutang ragu bagi Kumpulan berjumlah RM67,910,000 (RM130,153,000 pada 2005)	291,126	-	261,958	-
Lain-lain penghutang, deposit dan pra-bayar, selepas peruntukan hutang ragu bagi Kumpulan berjumlah RM9,990,000 (RM11,633,000 pada 2005)	383,799	33,165	339,055	33,256
Faedah belum terima ke atas aset perbendaharaan, selepas peruntukan hutang ragu bagi Kumpulan berjumlah RM6,083,000 (RM11,465,000 pada 2005)	122,523	787	74,576	1,387
Yuran belum terima, selepas peruntukan hutang ragu bagi Kumpulan berjumlah RM4,669,000 (RM4,403,000 pada 2005)	28,886	-	39,660	-
Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari	-	40	-	214,603
Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat bersekutu	-	-	148	-
Amaun terhutang dari agen-agen, broker dan penginsurans semula, selepas peruntukan hutang ragu bagi Kumpulan berjumlah RM10,406,000 (RM12,341,000 pada 2005)	37,118	-	50,352	-
Amaun terhutang daripada Syarikat Asal	89,694	-	132,798	-
Amaun boleh diperolehi semula di bawah urus niaga sekuritisasi yang disokong aset, selepas kerugian kemerosotan berjumlah RM10,500,000 (Tiada pada 2005)	87,066	-	97,566	-
Harta-harta dirampas, selepas peruntukan kemerosotan nilai berjumlah RM92,986,000 (RM91,519,000 pada 2005)	103,714	-	98,541	-
Aset tertunda	64,578	-	77,140	-
	<b>1,208,504</b>	<b>33,992</b>	<b>1,171,794</b>	<b>249,246</b>

Penghutang perniagaan sebahagian besarnya adalah merujuk kepada aktiviti syarikat-syarikat subsidiari pembrokeran stok dan saham dan mewakili jumlah kontrak pembelian belum dijelaskan selepas peruntukan dan pembiayaan margin saham.

Termasuk dalam peruntukan hutang ragu untuk penghutang perniagaan diatas adalah peruntukan am berjumlah RM770,000 (RM1,207,000 pada 2005), peruntukan tertentu berjumlah RM54,596,000 (RM116,541,000 pada 2005) dan faedah tergantung berjumlah RM66,411,000 (RM64,898,000 pada 2005) berkaitan dengan hutang lapuk dan ragu syarikat subsidiari pembrokeran stok dan saham.

Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari adalah terkecuali dari faedah dan mewakili yuran jaminan belum terima dan termasuk dalam tahun kewangan 2005 adalah jumlah RM214,000,000 yang timbul daripada pemindahan 100% kepentingan ekuiti dalam AmSecurities Holding Sdn Bhd kepada AmInvestment Group Berhad menurut Penyusunan Semula Dalam Kumpulan.

Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat bersekutu adalah terkecuali dari faedah dan mewakili perbelanjaan yang dibayar bagi pihak.

Amaun terhutang daripada Syarikat Asal mewakili pinjaman perumahan, sewa beli dan pajakan belum terima daripada Syarikat Asal untuk proses penjualan kepada Cagamas Berhad seperti yang dinyatakan dalam Nota 21.

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Aset tertunda adalah seperti berikut:		
Timbul daripada pengambilan Abrar Finance Berhad	3,394	15,956
Timbul daripada pengambilan Kewangan Usahasama Makmur Berhad	61,184	61,184
	<b>64,578</b>	<b>77,140</b>

Dalam tahun 1998, syarikat subsidiari, AMFB telah menyertai satu skim yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dan dipersetujui oleh Mahkamah Tinggi Malaya, di mana sesetengah aset dan tanggungan Abrar Finance Berhad ("AFB"), sebuah syarikat kewangan berlesen diperbadankan di Malaysia, dipindahkan ke AMFB berkuatkuasa dari 18 Disember, 1998 dengan bantuan kewangan daripada Bank Negara Malaysia ("BNM").

Kekurangan aset bersih mewakili lebih tanggungan ke atas aset dipindahkan menurut skim tersebut, dinyatakan sebagai aset tertunda bagi Kumpulan, adalah dikurangkan secara berperingkat melalui pendapatan bersih yang diperolehi daripada penggunaan deposit daripada BNM seperti dinyatakan di dalam Nota 18 dan pemulihan pinjaman tertunggak bersih AFB dikira berdasarkan formula yang ditentukan oleh BNM.

Berikutan arahan perletakan hak aset-aset and tanggungan-tanggungan dari AMFB kepada AmBank(M), aset tertunda yang berpunca dari pemerolehan AFB telah diserahkan haknya kepada AmBank(M).

Dalam tahun 1988, AmBank(M) telah mengambil alih operasi Kewangan Usahasama Makmur Berhad ("KUMB"), koperatif pengambilan deposit di Malaysia. Kerajaan Malaysia menawarkan kepada KUMB faedah cukai hadapan berjumlah RM434 juta, kemudian diselaraskan kepada RM426.69 juta apabila kredit pencukaian KUMB ditetapkan setelah mengambilkira kekurangan dalam aset yang diambilalih daripada koperatif berkenaan. Faedah pencukaian telah ditetapkan jumlahnya dan tidak bergantung kepada sebarang perubahan dalam kadar pencukaian.

Faedah pencukaian bersih dinyatakan sebagai aset tertunda dan penggunaan faedah pencukaian tertunda adalah berasaskan penerimaan notis taksiran dan seterusnya penyerahan tanggungan pencukaian oleh pihak berkuasa berkenaan ditolak amaun belum bayar kepada pihak berkuasa pencukaian untuk tujuan kredit pencukaian di bawah Seksyen 108.

### 12. DEPOSIT BERKANUN DENGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Deposit berkanun tanpa faedah berkaitan dengan syarikat subsidiari perbankan saudagar dan perbankan komersil disimpan dengan Bank Negara Malaysia sejajar dengan Seksyen 37(1)(c) Akta Bank Pusat Malaysia, 1958, dan jumlahnya ditentukan mengikut peraturan yang ditetapkan atas jumlah tanggungan kelayakan.

### 13. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Disebut harga di Malaysia:</b>		
Saham pada kos	673,200	-
<b>Tidak disebut harga:</b>		
Saham		
- pada kos	2,828,219	3,670,102
- pada penilaian para pengarah	549,746	791,146
Jumlah pelaburan tidak disebut harga	<b>3,377,965</b>	<b>4,461,248</b>
Jumlah	<b>4,051,165</b>	<b>4,461,248</b>
<b>Nilai pasaran</b>		
Saham disebut harga di Malaysia	<b>1,137,708</b>	-

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

ICULS 2007 yang diterbitkan oleh Syarikat subsidiari perbankan pelaburan menanggung faedah setahun 6.0% dan boleh diubah bila-bila masa selepas tarikh terbitan hingga tarikh matang. ICULS 2007 telah dilanjutkan untuk lima tahun lagi, selepas mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia.

Syarikat-syarikat subsidiari, kesemuanya diperbadankan di Malaysia, kecuali P.T. AmCapital Indonesia, diperbadankan di Indonesia dan AmSecurities (H.K.) Limited dan AmTrade Services Limited, diperbadankan di Hong Kong, adalah seperti berikut:

Kegiatan Utama	Modal Biasa Diterbitkan Dan Dibayar Penuh		Kepentingan Ekuiti Efektif		
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 %	2005 %	
<b>Syarikat-Syarikat Subsidiari Langsung</b>					
<b>Disebut Harga</b>					
AmInvestment Group Berhad ("AIGB")	Pegangan pelaburan	1,320,000	1,109,442	51.00	100.00
<b>Tidak Disebut Harga</b>					
AMFB Holdings Berhad ("AMFB")	Pegangan pelaburan	694,998	528,917	100.00	100.00
AmAssurance Berhad ("AmAssurance")	Insurans am dan nyawa	100,000	100,000	70.00	80.00
AmManagement Services Sdn Bhd	Tidak bergiat	-**	-**	100.00	100.00
<b>Syarikat-syarikat Subsidiari Tidak Langsung</b>					
<b>Tidak Disebut Harga</b>					
AmMerchant Bank Berhad ("AmMerchant Bank")	Perbankan saudagar	210,000	200,000	51.00	100.00
AmSecurities Holding Sdn Bhd ("AMSH")	Pegangan pelaburan	10,000	10,000	51.00	100.00
AmIslamic Bank Berhad ("AmIslamic Bank") (dahulunya dikenali sebagai AMBB Capital Berhad dan AmBank Berhad)	Perbankan Islam	153,038	761,719	100.00	100.00
AmBank (M) Berhad ("AmBank (M)") (dahulunya dikenali sebagai AmFinance Berhad)	Perbankan komersil	610,364	528,402	100.00	100.00
Arab-Malaysian Credit Berhad ("AMCB")	Pajakan dan pembiayaan sewa beli	288,500	288,500	100.00	100.00
AmSecurities Sdn Bhd ("AmSecurities")	Pembrokeran stok dan saham	100,000	100,000	51.00	100.00
AmInvestment Services Berhad ("AIS")	Pengurusan unit amanah saham	5,539	5,539	51.00	70.00
AmInvestment Management Sdn Bhd ("AIM")	Pengurusan aset	2,000	2,000	51.00	70.00
AMMB Consultant Sdn Bhd	Perunding pelaburan	500	500	51.00	100.00
AMMB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	Khidmat nomini	10	10	51.00	100.00
AMMB Nominees (Asing) Sdn Bhd	Khidmat nomini	10	10	51.00	100.00
AmProperty Trust Management Berhad ("AmPTMB")	Pengurusan amanah harta tanah	500	500	51.00	100.00

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

Kegiatan Utama	Modal Biasa Diterbitkan Dan Dibayar Penuh		Kepentingan Ekuiti Efektif		
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 %	2005 %	
<b>Syarikat-syarikat Subsidiari Tidak Langsung</b>					
<b>Tidak Disebut Harga</b>					
AmPrivate Equity Sdn Bhd ("AmPrivate Equity")	Pegangan pelaburan	-*****	-	40.80	-
AMMB Factors Sdn Bhd	Tidak bergiat	1,000	1,000	100.00	100.00
AMCB Mezzanine Sdn Bhd	Tidak bergiat	400	400	100.00	100.00
AmTrustee Berhad ("AmTrustee")	Khidmat amanah	500	500	60.40	80.00
Arab-Malaysian Services Berhad	Tidak bergiat	6,000	6,000	70.00	80.00
AmEquities Sdn Bhd	Pemungutan penghutang	140,000	140,000	51.00	100.00
South Johor Securities Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	Agen insurans am	-**	-**	51.00	100.00
South Johor Securities Nominees (Asing) Sdn Bhd	Tidak bergiat	-**	-**	51.00	100.00
AMSEC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	Khidmat nomini	1	1	51.00	100.00
AMSEC Nominees (Asing) Sdn Bhd	Khidmat nomini	1	1	51.00	100.00
AmFutures Sdn Bhd ("AmFutures")	Perniagaan hadapan dan opsyen	10,000	10,000	51.00	100.00
AmResearch Sdn Bhd	Menerbit dan menjual bahan kajian dan laporan	500	500	51.00	100.00
AM Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	Khidmat nomini	-**	-**	51.00	100.00
AM Nominees (Asing) Sdn Bhd	Khidmat nomini	-**	-**	51.00	100.00
AMMB Properties Sdn Bhd	Tidak bergiat	-**	-**	51.00	100.00
Malaysian Ventures Management Incorporated Sdn Bhd ("MVM")	Pengurusan modal usaha niaga	500	500	40.80	59.00
Annling Sdn Bhd	Tidak bergiat	250	250	100.00	100.00
Everflow Credit & Leasing Corp Sdn Bhd	Tidak bergiat	684	684	100.00	100.00
MBf Information Services Sdn Bhd	Pegangan hartanah	27,500	27,500	100.00	100.00
MBf Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	Khidmat nomini	10	10	100.00	100.00
MBf Trustees Berhad	Khidmat amanah	250	250	60.00	60.00
AmProperty Holdings Sdn Bhd ("AmPH")	Pelaburan hartanah	500	500	100.00	100.00
MBf Equity Partners Sdn Bhd	Tidak bergiat	10,000	10,000	100.00	100.00
MBf Nominees (Asing) Sdn Bhd	Tidak bergiat	-**	-**	100.00	100.00
Lekir Development Sdn Bhd	Tidak bergiat	450	450	100.00	100.00
Li & Ho Sdn Bhd	Tidak bergiat	850	850	100.00	100.00
Teras Oak Pembangunan Sdn Bhd	Tidak bergiat	1,200	1,200	100.00	100.00

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

Kegiatan Utama	Modal Biasa Diterbitkan Dan Dibayar Penuh		Kepentingan Ekuiti Efektif		
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 %	2005 %	
<b>Syarikat-syarikat Subsidiari Tidak Langsung</b>					
<b>Tidak Disebut Harga</b>					
AmCredit & Leasing Sdn Bhd	Tidak bergiat	500	500	100.00	100.00
Crystal Land Sdn Bhd	Tidak bergiat	400	400	80.00	80.00
Bougainvillea Development Sdn Bhd	Pegangan hartanah	1,000	1,000	100.00	100.00
Malco Properties Sdn Bhd	Tidak bergiat	157	157	51.00	51.00
Komuda Credit & Leasing Sdn Bhd	Tidak bergiat	500	500	100.00	100.00
Natprop Sdn Bhd	Tidak bergiat	500	500	100.00	100.00
		<b>US\$'000</b>	<b>US\$'000</b>		
AMMB Labuan (L) Ltd	Tidak bergiat	200	200	51.00	100.00
AmInternational (L) Ltd	Perbankan luar pesisir	10,000	10,000	51.00	100.00
AMBB Capital (L) Ltd ("AMBB Capital")	Badan tujuan khas	-***	-	100.00	-
		<b>RP'000</b>	<b>RP'000</b>		
P.T. AmCapital Indonesia* ("PTAMCI")	Pembrokeran stok, tata jamin dan pengurusan pelaburan	26,000,000	26,000,000	42.36	83.07
		<b>HK\$000</b>	<b>HK\$000</b>		
AmSecurities (H.K.) Limited^ ("AmSecurities (H.K.)")	Tidak bergiat	33,000	33,000	51.00	100.00
AmTrade Services Limited ("AmTrade Services")^	Perkhidmatan kewangan dagangan	-****	-	100.00	-

\* Syarikat-syarikat subsidiari tidak diaudit oleh Ernst & Young.

\*\* Syarikat-syarikat subsidiari dengan RM2.00 modal biasa diterbitkan dan dibayar penuh.

\*\*\* Syarikat subsidiari dengan USD2.00 modal biasa diterbitkan dan dibayar penuh.

\*\*\*\* Syarikat subsidiari dengan HK\$2.00 modal biasa diterbitkan dan dibayar penuh.

\*\*\*\*\* Syarikat subsidiari dengan RM195.00 modal biasa diterbitkan dan dibayar penuh.

^ Syarikat-syarikat subsidiari yang diaudit oleh firma berkaitan dengan Ernst & Young.

1. Pada 27 Februari 2004 dan 31 Mei 2004, Syarikat telah mengumumkan penyusunan semula Kumpulan merangkumi:

- (a) Penswastan AMFB Holdings Berhad ("AMFB") melalui pemerolehan oleh Syarikat 188,927,911 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu dalam AMFB yang belum dimiliki oleh Syarikat melalui skim penyusunan di antara AMFB dan para pemegang sahamnya di bawah Seksyen 176 Akta Syarikat, 1965. Penswastan AMFB telah selesai pada 17 Mac 2005. Penswastan AMFB adalah sebahagian penting usaha Syarikat dalam menepati inisiatif tertentu yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas penggabungan operasi-operasi perbankan komersil dan syarikat kewangan dalam kumpulan perbankan di bawah satu entiti; dan
- (b) Penyenaraian AmInvestment Group Berhad ("AIGB") dan Penswastan AMFB, yang bersyarat di antara satu sama lain, yang merangkumi perkara-perkara berikut:
  - (i) Perbadanan AIGB untuk bertindak sebagai syarikat pegangan pelaburan bagi kumpulan perbankan pelaburan Syarikat;
  - (ii) Penyusunan semula dalaman yang melibatkan pemindahan 100% kepentingan ekuiti Syarikat dalam AmMerchant Bank Berhad ("AmMerchant Bank") dan AmSecurities Holdings Sdn Bhd pada nilai buku untuk ganjaran yang dijelaskan dengan terbitan saham-saham biasa bernilai RM1,109,442,000 dan tunai sebanyak RM214,400,000; dan

## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

(iii) Terbitan/tawaran sebanyak 646,800,000 saham-saham biasa merangkumi 210,558,000 saham-saham biasa baru dan 436,242,000 saham-saham sedia ada melalui Tawaran Jualan Terhadap pada harga tawaran pemegang-pemegang saham bernilai RM1.40 sesaham, untuk kesemua saham-saham tawaran jualan terhadap seperti berikut;

- (a) 488,400,000 saham-saham biasa diperuntukkan kepada pemegang-pemegang saham Syarikat;
- (b) 39,600,000 saham-saham biasa diperuntukkan kepada para pengarah dan kakitangan AIGB yang layak dan/atau syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu yang diperbadankan di Malaysia, para pengarah Syarikat yang layak dan sekutu perniagaan Syarikat,
- (c) 118,800,000 saham-saham biasa diperuntukkan kepada Tan Sri Dato' Azman Hashim sebagai pelabur Bumiputera yang diluluskan.

Harga kelayakan pemegang saham bernilai RM1.40 sesaham bagi tawaran jualan terhadap timbul atas dasar bagi mewujudkan peluang ganjaran dan menarik pemegang saham syarikat dan kakitangan serta pengarah yang bekelayakan menyertai dalam ekuiti dan pertumbuhan yang berterusan dalam Kumpulan.

- (c) Penyenaian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham AIGB yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan berjumlah RM1,320,000,000 bernilai RM1.00 setiap satu, telah disenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 18 Mei 2006.
2. AmMerchant Bank menambah modal saham yang diterbitkan dan dibayar penuh daripada RM200,000,000 kepada RM210,000,000 melalui terbitan hak tidak boleh dituntut sebanyak 10,000,000 saham biasa baru RM1.00 setiap satu pada harga terbitan RM5.00 setiap satu secara tunai untuk tujuan menambah lagi modal kerja.
3. Pada 31 Mei 2005, sejurus mendapat kelulusan daripada pemegang saham dan pihak-pihak yang tertentu, perkara-perkara berikut telah selesai:
  - (a) Memperolehi keseluruhan kepentingan ekuiti dalam AmBank Berhad ("AmBank"), merangkumi 761,781,750 saham-saham biasa daripada Syarikat bagi ganjaran pembelian sebanyak RM832.8 juta berdasarkan nilai buku pelaburan Syarikat dalam AmBank. Ganjaran pembelian telah dijelaskan dengan penerbitan 166,080,387 saham-saham biasa dalam AMFB pada harga terbitan RM5.01 berdasarkan pada Aset Ketara Bersih Belum Diaudit AMFB pada 31 Mei 2005.
  - (b) AmFinance Berhad ("AmFinance") memperolehi keseluruhan kepentingan ekuiti dalam AmBank merangkumi 761,718,750 saham-saham biasa daripada AMFB bagi ganjaran pembelian sebanyak RM412.7 juta berdasarkan aset ketara bersih belum diaudit AmBank selepas pelarasan untuk sesetengah aset-aset yang tidak boleh dipindahkan. Ganjaran pembelian dipersetujui dengan menerbitkan 81,961,642 saham-saham biasa pada harga terbitan RM5.035 berdasarkan kepada aset ketara bersih sesaham Kumpulan AmFinance pada 31 Mei 2005.

Berikutan selesainya pemerolehan AmBank oleh AmFinance, perniagaan perbankan komersil AmBank berjumlah RM412.7 juta telah diletakkan ke dalam AmFinance pada 19 Jun 2005 mengikut perintah Mahkamah Tinggi Malaya pada 18 Mei 2005 di bawah Arahan Asal No. D7-24-162-2005 dan mengikut Seksyen 50 Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989. Selepas itu, AmFinance telah bertukar nama kepada AmBank (M) Berhad ("AmBank (M)") untuk menggambarkan penggabungan perbankan komersil dan operasi syarikat kewangan di bawah satu entiti.

4. Pada 29 September 2005, AmMerchant Bank Berhad, telah selesai pemerolehan 30.0% kepentingan ekuiti yang dipegang oleh Macquarie Bank Limited ("Macquarie Bank") dalam AmInvestment Management Sdn Bhd ("AIM") dan AmInvestment Services Berhad ("AIS") masing-masing untuk ganjaran pembelian tunai berjumlah RM44.79 juta.

Dengan selesainya pemerolehan tersebut, AIM dan AIS telah menjadi syarikat subsidiari milik penuh AmMerchant Bank. Oleh yang demikian, penyusunan usaha sama antara AmMerchant Bank dan Macquarie Bank yang berkait kepada perniagaan pengurusan dana ditamatkan secara sukarela pada 29 September 2005.

5. Pada 21 Disember 2005, sebuah syarikat subsidiari milik penuh AmBank (M) di Hong Kong, AmTrade Services telah diperbadankan.

AmTrade Services mempunyai modal saham dibenarkan sebanyak HK\$10,000 dibahagi kepada 10,000 saham-saham biasa bernilai HK\$1.00 setiap satu dan modal saham berbayar dan diterbitkan sebanyak HK\$2.00 merangkumi dua (2) saham-saham biasa bernilai HK\$1.00 setiap satu dibayar penuh.

Aktiviti-aktiviti utama AmTrade Services ialah menyediakan perkhidmatan kewangan perniagaan.



## Nota-Nota Penyata Kewangan (samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2006

6. Pada 28 Disember 2005, Syarikat telah membuat pemerolehan seperti:
- pemerolehan 295,000 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang mewakili 59% modal saham terbitan dan dibayar penuh MVMI dari AmMerchant Bank bagi jumlah ganjaran sebanyak RM303,829; dan
  - pemerolehan 102,500 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang mewakili 21% terbitan modal saham terbitan dan dibayar penuh MVMI dari Seavi Venture Management Pte Ltd bagi jumlah ganjaran sebanyak RM105,000.
7. Pada 6 Januari 2006, AmBank (M) memperolehi tiga (3) saham-saham biasa bernilai USD1.00 setiap satu dengan ganjaran tunai bernilai USD3.00, mewakili keseluruhan modal saham berbayar dan diterbitkan AMBB Capital, seterusnya menjadikan AMBB Capital sebagai syarikat milik penuh AmBank (M).  
AMBB Capital telah diperbadankan pada 23 September 2005 dan modal saham dibenarkan bernilai USD250,000 dibahagi kepada 250,000 saham-saham biasa bernilai USD1.00 setiap satu dimana 3 saham-saham biasa bernilai USD1.00 telah diterbitkan dan dibayar sepenuhnya. AMBB Capital telah diperbadankan bertujuan bagi menerbitkan Sekuriti Hibrid seperti yang diterangkan dalam Nota 53(1).
8. Pada 7 Februari 2006, AIGB telah memperolehi 100% kepentingan ekuiti dalam AmPrivate Equity Sdn Bhd ("AmPrivate Equity"), yang merangkumi dua (2) saham-saham biasa bernilai RM2.00 setiap satu.  
Pemerolehan AmPrivate Equity adalah selaras dengan pelancaran RM100 juta dana tertutup ekuiti persendirian ("Dana") dengan nyawa piagam sepuluh (10) tahun di bawah AmPrivate Equity.  
AmPrivate Equity akan membuat pelaburan jangka sederhana dan panjang terutamanya di Malaysia dengan objektif untuk mencapai kenaikan modal dalam pelaburan. Fokus akan diberi kepada sektor-sektor seperti industri perkilangan, perkhidmatan perniagaan, persekitaran dan perkhidmatan tenaga dan maklumat dan syarikat teknologi perhubungan.  
Malaysian Ventures Management Incorporated Sdn Bhd, berdaftar sebagai syarikat pengurusan modal teroka dan sebuah syarikat subsidiari tidak langsung Syarikat, merupakan pengurus Dana.  
AmPrivate Equity telah diperbadankan di Malaysia pada 6 September 2005 sebagai syarikat persendirian terhad. AmPrivate Equity telah berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti sebagai perbadanan modal usaha niaga. Modal dibenarkan AmPrivate Equity berjumlah RM150,000, dibahagi 100,000 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dan 5,000,000 saham keutamaan boleh ditebus bernilai RM0.01 setiap satu ("RPS").  
Saiz dana RM100.0 juta AmPrivate Equity akan ditubuhkan melalui penerbitan 15,000 saham-saham biasa pada harga terbitan RM1.00 setiap satu dan 1,250,000 RPS pada harga terbitan RM79.988 setiap satu.  
Kini, pelabur-pelabur yang terikat dalam Dana ialah:
